

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 17

Rabu

23 Disember 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 21)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2021

(Halaman 22)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 23 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah cadangan untuk memasukkan bayaran perkhidmatan JMB ke dalam cukai pintu dalam satu bil.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim mengemukakan soalan nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk memansuhkan bayaran perkhidmatan Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Manangement Body* (JMB), dengan izin, ke dalam cukai pintu dalam satu bil, kerana kedua-dua bayaran ini merupakan dua entiti berbeza yang mempunyai kuasa yang berbeza seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], dan Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*].

Bayaran perkhidmatan JMB bayaran caj penyelenggaraan yang dipungut untuk didepositkan ke dalam akaun penyelenggaraan sesuatu skim strata yang diwujudkan di bawah Akta 757. Jumlah caj penyelenggaraan yang perlu dibayar ditentukan oleh *Joint Management Body* (JMB), badan yang menguruskan pengurusan bersama ini di kawasan yang berkenaan dalam Mesyuarat Agung Tahunan berdasarkan anggaran perbelanjaan yang akan datang seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 21(1)(b) [*Akta 757*].

Manakala, cukai taksiran atau cukai pintu cukai yang dikenakan terhadap semua pegangan atau hartanah di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran atau cukai pintu adalah selaras dengan peruntukan Akta 717 di

bawah seksyen 127 yang membolehkan PBT mengenakan kadar ke atas pegangan-pegangan yang terdapat di kawasan pentadbiran PBT.

Oleh yang demikian, cukai pintu dan bayaran perkhidmatan JMB adalah kewajipan di bawah dua undang-undang yang berbeza dan melibatkan dua entiti yang berbeza. Jadi, buat masa ini kita tidak bercadang untuk menggabungkan kedua-dua bayaran caj ini dalam satu bil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah adakah kementerian ada menyediakan peruntukan ataupun bantuan untuk kerja-kerja pembaikan sistem pemetungan *particular*- dan lain-lain kerana selalunya bayaran perkhidmatan JMB ini tidak mencukupi untuk kerja-kerja pembaikan. Ini ada berlaku di pangsapuri Jaya Mas di Skudai yang mana sistem pemetungannya telah rosak. Jadi, dia punya kos untuk pembaikan itu saya rasa agak tinggi. Itulah soalan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan tentang kemaslahatan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan perumahan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membantu pembaikan kerosakan-kerosakan yang kita fikirkan perlu kita bantu termasuklah pemetungan dan lain-lain kerosakan yang dihadapi oleh perumahan-perumahan di mana-mana kawasan perumahan yang kita bina.

Jadi, untuk tahun 2020 dahulu kita ada RM100 juta diperuntukkan oleh kerajaan dan *insya-Allah* tahun 2021 apabila bajet diluluskan, kita juga bersedia meluluskan peruntukan di mana-mana yang kita fikirkan sesuai dan mendesak. Namun demikian, tidak semua keperluan-keperluan bantuan ini dapat kita penuhi kerana saya kira masalah kerosakan yang dihadapi oleh sebahagian rumah-rumah yang didiami oleh penduduk ini memang agak besar dan kita harap kerjasama diberikan oleh- termasuklah JMB ini dan juga penghuni-penghuni bagi memastikan supaya kemudahan-kemudahan disediakan oleh kerajaan itu dapat dijaga dengan terbaik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun.

2. Tuan Kamarudin bin Abdun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah jaminan/adakah pihak kementerian akan/untuk menaikkan kadar gaji anggota Polis Diraja Malaysia yang banyak berjasa kepada rakyat dan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama,

saya masih lagi belum mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di dalam Dewan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan pastinya dari parti yang sama, saya cukup berbangga. Tahniah Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

■1010

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sahabat saya Tuan Kamarudin bin Abdun, memang kerajaan mengambil sikap sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan juga tangga gaji kakitangan PDRM sejajar dengan tugas menjaga keselamatan dan juga memastikan keamanan dan ketenteraman awam di dalam negara kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, KDN pada 17 September 2019 telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk menaikkan gaji pegawai dan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia. Namun begitu, kerajaan terlebih dahulu perlu melaksanakan kajian kenaikan gaji yang lebih menyeluruh meliputi semua skim perkhidmatan dan mengambil kira keharmonian dalam perkhidmatan awam Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik pemberian elaun kepada pegawai dan anggota PDRM. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti:

- (i) kenaikan kadar imbuhan tetap perumahan (ITP) kepada PDRM yang melibatkan peningkatan berjumlah RM20 hingga RM145 sebulan berdasarkan gred pegawai dan anggota PDRM; dan
- (ii) kerajaan juga telah meluluskan pembayaran bayaran insentif mengikut lokasi tahap kesusahan berjumlah RM500 sehingga RM1,500 sebulan berdasarkan kategori pedalaman kepada pegawai dan anggota PDRM yang bertugas di kawasan pedalaman.

Kerajaan sentiasa komited dalam meneliti keperluan menyemak semula kadar gaji dan elaun kepada anggota keselamatan demi memastikan kebajikan mereka terbela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah usaha pihak kementerian bagi mengatasi masalah kebajikan lainnya seperti perumahan terutama kepada anggota-anggota yang berkhidmat di kawasan bandar-bandar besar. Satu lagi, masalah kemudahan kenderaan untuk para PGA yang berkhidmat di kawasan sempadan kerana saya biasa melawat bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pegawai-pegawai kita di sempadan. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat. Memang menjadi tanggungjawab kita dari semasa ke semasa, melihat kepada tentang sama ada daripada segi kenderaan dan juga perumahan serta kuarters yang di bawah bidang kuasa Pengarah Logistik PDRM.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini kerajaan telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM67.52 juta untuk pembaikan pejabat dan kuarters PDRM. Manakala mengenai kebajikan-kebajikan yang lain seperti mana kita ada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara di bawah KDN. Kalau ada berlaku kematian atau berlaku kemalangan, maka kita akan memberikan imbuhan sejajar dengan keadaan anggota tersebut. Termasuk juga kita ada Tabung Amanah Warisan (TAWAP) bagi pesara dan tanggungan pesara. Itu ada lima kategori yang melibatkan iaitu:

- (i) khairat kematian;
- (ii) bantuan pergerakan;
- (iii) bantuan perubatan pesakit terlantar;
- (iv) bantuan pendidikan; dan
- (v) bantuan bencana alam.

Mengenai kenderaan-kenderaan ini, dari semasa ke semasa kita akan meningkatkan keupayaan kekuatan anggota PDRM termasuk baru-baru ini kita telah menyerahkan NVV yang baru, *Honda Civic* kita tengok gah di jalan raya bagi peronda-peronda jalan raya kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh ada soalan tambahan lagi satu tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh, kita hendak ikut masa.

Tuan Nga Hock Cheh: Ini saya hendak tarik perhatian, ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh ya.

Tuan Nga Hock Cheh: ...*Satu typing error*...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh lagi soalan tambahan tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, dipersilakan.

3. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan akan memperkenalkan cukai durian runtuh (*windfall tax*) terutama kepada syarikat korporat yang mengalami keuntungan luar biasa dalam musim pandemik ini seperti Top Glove, dan lain-lain lagi yang akan memberi manfaat kepada negara dan masyarakat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, *windfall profit tax*, dengan izin, atau levi keuntungan luar biasa pada masa ini hanya dikenakan ke atas komuniti minyak kelapa sawit berdasarkan *threshold* harga pasaran minyak sawit mentah secara bulanan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, levi keuntungan luar biasa belum pernah dikenakan ke atas barangan siap pengguna atau barangan pengilang tempatan seperti sarung tangan getah kerana adalah sukar untuk menentukan *threshold* harga pasaran yang seragam memandangkan produk sarung tangan getah mempunyai jenis, standard, aplikasi, spesifikasi serta gred yang berbeza-beza mengikut negara pasaran.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas syarikat pembuat sarung tangan getah yang menikmati keuntungan tambahan berikutan lonjakan permintaan dan harga jualan sarung tangan getah di seluruh dunia susulan penularan pandemik COVID-19 mahupun kepada lain-lain perniagaan yang menjana keuntungan berganda semasa krisis kesihatan melanda dunia.

Tuan Yang di-Pertua, penganan levi keuntungan luar biasa boleh memberi persepsi negatif kepada pelabur yang beranggapan bahawa kerajaan mengambil kesempatan ke atas keuntungan tambahan yang dijana oleh syarikat berikutan krisis kesihatan yang melanda dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, adakah menjadi keperluan kerajaan untuk mengambil pandangan pihak luar untuk menentukan cukai yang ingin dikenakan kepada pengusaha kilang sedangkan ia adalah polisi yang ditetapkan oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam, kerajaan tidak akan mengambil tindakan tergesa-gesa dalam kita memperkenalkan apa-apa langkah cukai ataupun memperkenalkan cukai-cukai baru kerana kerajaan sentiasa melakukan kajian atas apa-apa cukai yang akan kita kenakan di kala keadaan yang tidak begitu selesa dan stabil dari segi krisis ekonomi dan krisis kesihatan.

Itu sebabnya kajian-kajian yang kita lakukan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kita akan melihat kesan kepada ekonomi terlebih dahulu. Adakah apa yang kita lakukan dengan dasar-dasar cukai yang baru akan memberi kesan kepada ekonomi atau tidak. Itu yang pertama.

Kedua, kita akan melihat adakah ia akan melakukan peningkatan kos sara hidup kepada rakyat. Kita sebagai kerajaan yang prihatin tidak akan melakukan apa-apa dasar cukai yang baru yang akan membebankan rakyat.

Ketiganya, kita juga akan melihat adakah pengenalan dengan cukai-cukai yang baru ini akan memberi kesan kepada harga barang. Itu juga memberi kesan kepada kebajikan rakyat.

Keempat, adakah dengan kita memperkenalkan dasar-dasar cukai baru ini boleh membanteras atau mengurangkan ketirisan hasil negara dan juga akan membanteras kegiatan ekonomi gelap.

Sudah pastinya Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang kita lakukan, cukai-cukai yang kita akan lakukan ini pertamanya iaitu:

- (i) kita mesti mudah ditadbir;
- (ii) tidak akan meningkatkan kos perniagaan;
- (iii) yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, dapat menguatkan dan mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan.

Seterusnya dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong.

4. Tuan Liew Chin Tong minta Menteri Pertahanan menyatakan, senarai aset ATM yang bakal di baik pulih di bawah peruntukkan Belanja Mengurus RM2.3 bilion di dalam Belanjawan 2021.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong, mantan Timbalan Menteri Pertahanan yang diakui seorang yang pakar dalam kajian- *research*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong, sebanyak RM2.3 bilion yang diumumkan dalam Bajet 2021 telah diperuntukkan untuk tujuan penyelenggaraan aset-aset pertahanan, dan fasiliti-fasiliti Angkatan Tentera Malaysia. Daripada jumlah tersebut, RM1.76 bilion diperuntukkan untuk kerja-kerja selenggaraan aset-aset pertahanan utama ATM melibatkan:

- (i) jentera-jentera strategik ATM;
- (ii) kenderaan pelbagai jenis;
- (iii) kapal-kapal;
- (iv) pesawat-pesawat; dan
- (v) alat-alat kelengkapan pertahanan.

Manakala sebanyak RM540 juta pula diperuntukkan untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan kecil seperti:

- (i) selenggaraan fasiliti kem, pangkalan dan bangunan pejabat di seluruh Malaysia;
- (ii) selenggaraan kenderaan;
- (iii) selenggaraan peralatan ICT dan komunikasi.

■1020

Di bawah aktiviti pertahanan darat, peruntukan senggaraan ini akan melibatkan senggaraan bagi aset-aset pertahanan strategik seperti kenderaan darat yang meliputi kenderaan perisai, pembawa senjata dan pengangkut. Bagi aktiviti pertahanan maritim, ia melibatkan senggaraan atau *refit* kapal-kapal dan kapal selam TLDM. Manakala bagi aktiviti pertahanan udara pula, peruntukan senggaraan- melibatkan senggaraan pesawat-pesawat TUDM dan radar pertahanan udara.

Proses senggaraan ke atas aset-aset strategik ATM yang dimiliki adalah demi menjaga kesiapsiagaan pasukan serta jangka hayat aset-aset tersebut. Menerusi peruntukan ini, ia dapat memastikan pengoperasian aset-aset strategik ATM berada pada tahap optimum dengan keupayaan diatur gerak pada bila-bila masa.

Di samping itu juga, selaras dengan usaha kerajaan menangani isu keselamatan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara kita, agihan jumlah peruntukan yang tinggi untuk tujuan penyenggaraan aset ATM ini akan dapat membantu ATM mengawal sempadan-sempadan negara dengan mengatur gerak aset-aset strategik di darat, laut dan udara. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu, adakah kementerian bersedia untuk membuat kajian ataupun *review* terhadap bagaimana MRO tentera udara yang dilaksanakan sekarang dan adakah kementerian bersedia untuk bawa balik penyelenggaraan *first line* balik ke TUDM? Terima kasih.

Kita sekarang ini beri kepada swasta untuk buat MRO semuanya. Akan tetapi, adakah kita bersedia untuk bawa balik sedikit untuk dalam *first line* supaya kita boleh buat dalam TUDM? Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih. Soalan yang begitu baik. Memanglah kita akui ada aset-aset kita yang dalam keadaan uzur dan memerlukan selenggaraan. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator telah sememangnya dalam perancangan kita untuk dibuat oleh TUDM. Apa pun, saya boleh bagi jaminan kepada rakyat Malaysia, keadaan aset-aset kita adalah daripada kesiapsiagaan kita, kita *are readiness*. *That means*, kalau berlaku apa-apa yang tidak diingini, kita *are ready*. Walau bagaimanapun, kita akui, ada aset-aset kita yang sudah *about time*, maaf, dengan izin, yang memerlukan selenggara dengan segera. Terima kasih.

5. **Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, bila kerajaan dapat menamatkan monopoli BERNAS dalam industri beras negara dan sejauh mana liberalisasi industri ini dilakukan bagi memastikan mutu dan harga beras dapat dikawal dengan cekap di pasaran tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk menyambung konsesi BERNAS termasuk mengekalkan hak pengimportan beras oleh BERNAS dalam negara. Keputusan ini telah mengambil kira semua aspek secara menyeluruh khususnya bagi melindungi komoditi strategik ini sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Secara keseluruhannya, konsesi baharu telah ditambah baik dan beberapa terma baharu dibuat termasuk penambahan bilangan obligasi sosial yang perlu dilaksanakan daripada lima kepada 10.

Sebagai maklumat juga, walaupun BERNAS diberikan hak sebagai pengimport beras tunggal, industri padi dan beras negara sentiasa terbuka, di mana pada masa ini, terdapat sebanyak 182 orang pengilang, dan 1,553 orang pemborong dan kira-kira 30 ribu orang peruncit beras aktif yang berdaftar dengan kementerian yang diberikan peluang untuk terlibat dalam pengedaran dan juga pengedaran beras import dan juga beras tempatan. Justeru, tiada unsur monopoli di peringkat pemasaran dan pengedaran dalam industri padi dan beras.

Ketiganya, kerajaan juga sentiasa memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa mencukupi dengan mutu dan harga yang terkawal pada setiap masa seperti yang telah ditetapkan dalam Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga), Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dalam memastikan rakyat dan pengguna sentiasa memperoleh bekalan beras dengan harga yang berpatutan dan juga terkawal.

Kerajaan juga telah menetapkan harga beras putih tempatan dikawal tidak lebih daripada RM2.60 setiap kilogram. Bagi beras putih pula, secara purata, harga runcit pada kadar yang kita import tidak melebihi RM2.80 ke RM3 setiap kilogram dan sekali gus menjadikan beras tempatan sebagai pilihan utama rakyat Malaysia.

Walaupun BERNAS merupakan pengimport utama, kerajaan mempunyai kuasa menentukan jumlah kemasukan beras import BERNAS tidak boleh mengimport lebih daripada keperluan, dengan izin, *shortfall in domestic rice production*. Demi menjaga industri tempatan, BERNAS juga wajib mengimport pada waktu kekurangan beras tempatan walaupun akan mengalami kerugian bagi memastikan bekalan dalam negara sentiasa mencukupi.

Akhirnya, kementerian juga sedang mengkaji secara menyeluruh pendekatan dan juga perancangan alternatif lain yang berkesan dalam jangka panjang ke arah pasaran industri beras yang lebih terbuka tanpa menjejaskan jaminan sekuriti makanan negara dan industri padi dan beras tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersama dengan EPU dan juga Jabatan Perdana Menteri sedang melaksanakan kajian yang bertajuk, dengan izin, *Towards a new approach for Malaysian paddy and rice policy* yang dijalankan oleh Bank Dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah, pada pandangan kementerian, dari lebih 20 juta orang rakyat Malaysia yang kita ada, hanya BERNAS sahaja dan tiada seorang pun yang layak untuk dapat dipertimbangkan untuk mendapat konsesi ini? Ini kerana kita tahu ada pemegang saham dalam BERNAS juga yang memiliki kilang-kilang beras yang bernaung di bawah BERNAS ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya mohon izin kalau boleh saya diberi masa yang lebih sedikit untuk memberikan huraian kerana untuk kepentingan rakyat. Kerana soalan ini juga ada berkenaan dengan soalan nombor 3.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum dasar *single gatekeeper* ini kita perkenalkan, pengimportan beras ini dilakukan oleh beberapa orang pengimport tempatan. Semasa tahun 1973, kita menghadapi krisis beras yang cukup serius sekali dan kemasukan beras ini telah terhenti kerana pengimport-pengimport telah menghadapi kerugian. Maka tertubuhlah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang dipunyai oleh kerajaan. Pada tahun 1994, LPN telah di-*corporatize*-kan dan sehingga tahun 1996, seterusnya LPN telah di-*privatize*-kan oleh beberapa buah syarikat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya syarikat ini kepunyaan sebahagian besar daripadanya rakyat luar negara, dari Hong Kong. Jadi, kita telah membuat beberapa usaha bagi memastikan supaya kita dapat membeli kembali saham-saham syarikat yang dimiliki oleh orang-orang luar negara ini walaupun terpaksa membeli harga yang tinggi, tetapi Tradewinds telah menunjukkan keupayaan ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, berapa lama agaknya ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Tahun 2009.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan, masa. Kalau tidak ada, boleh beri jawapan bertulis.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Tradewinds telah mengambil alih dan menguasai BERNAS.

■1030

Sehinggalah sekarang, syarikat ini telah menunjukkan satu keupayaan yang cukup memberangsangkan sekali. Bahkan, ia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantau untuk melihat setakat manakah KPI syarikat BERNAS ini. Ia telah membuktikan dari tahun

2014 sehingga 2019, ia telah mencatatkan sebanyak atas 93 peratus. Walaupun dalam perjanjian kita, syarikat pengeluar beras ini, pengimport beras ini mestilah mencapai sebanyak 60 peratus. Kalau sebanyak 40 peratus, kita hentikan. Akan tetapi BERNAS telah membuktikan ia telah mencapai sebanyak 93 peratus.

Dalam masa yang sama, syarikat ini juga mempunyai beberapa bentuk obligasi yang telah ditambah daripada lima ke-10. Matlamat terakhir kita, kita mahu memastikan supaya BERNAS mestilah mewujudkan, dengan izin, *large scale farming* supaya kita dapat mencapai SSL kita dalam masa lima ke-10 tahun. Kalau boleh, kita tak payah mengimport beras. Setakat itulah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

6. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili minta Menteri Kerja Raya menyatakan kesan pandemik COVID-19 ke atas industri binaan di Malaysia dalam tahun 2020 dan apakah perancangan CIDB bagi memastikan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan dalam RMKe-12 dapat mengimbangi penguncupan industri binaan dan memberi kesan langsung kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili atas soalan yang dikemukakan.

Terlebih dahulu, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Dato' Seri sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Walaupun daripada parti yang berbeza tetapi pastinya daripada kerajaan yang sama, Kerajaan Perikatan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, berikutan penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula daripada Mac 2020. Penguatkuasaan PKP telah menyebabkan halangan untuk beroperasi kepada premis perniagaan, termasuk tapak binaan. Dalam tempoh 18 Mac sehingga 15 April 2020, industri pembinaan dianggarkan mengalami kerugian sejumlah RM11.6 bilion sebulan kerana penutupan operasi kira-kira 7,500 projek yang sedang berjalan. Gaji pekerja binaan merupakan 30 peratus daripada kerugian ini iaitu sejumlah RM3.5 bilion.

Selain daripada itu, sebanyak 42 peratus, sejumlah RM4.9 bilion kerugian bahan binaan yang tidak digunakan, dengan 12 peratus iaitu sejumlah RM1.4 bilion kerugian melibatkan peralatan dan jentera yang tidak digunakan. Manakala, sejumlah 8 peratus setiap satu merupakan kerugian bagi kos *overhead* syarikat dan kehilangan keuntungan.

Untuk mengurangkan impak negatif PKP terhadap pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah mengumumkan pembukaan semula sektor ekonomi, termasuk sektor

pembinaan negara bermula 1 Mei 2020. Pembukaan semula industri pembinaan telah memberi kesan positif kepada pertumbuhan negara. Data yang dikumpulkan oleh agensi di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menunjukkan sekitar 8,300 projek masih dalam pelaksanaan pada tahun 2020.

Dalam usaha memulihkan sektor pembinaan negara, kerajaan melalui Belanjawan 2021 akan menyediakan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur, pembangunan kemudahan sosial kediaman dan penyelenggaraan alam sekitar RM90 bilion. Daripada jumlah itu, sebanyak RM25 bilion diperuntukkan kepada kontraktor G1.

Menurut rekod CIDB, sebanyak 58 peratus daripada kontraktor G1, G4 merupakan kontraktor bumiputera. Dalam memberikan manfaat mengikut pelaksanaan projek mega RMKe-12 melalui pakej kecil projek tersebut, Belanjawan 2021 memperuntukkan sejumlah RM15 bilion bagi projek infrastruktur meliputi Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 1, dan beberapa projek lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengambil iktibar dan hikmah daripada pandemik COVID-19. Jadi, soalan tambahan saya adalah bagaimanakah kerajaan dapat mengupayakan sebuah dasar upah yang lebih setimpal bagi pasaran kerja pembinaan tempatan kepada lepasan institut, latihan kemahiran, akademi bidang binaan CIDB agar kebergantungan kita terhadap pekerja asing dapat kita kurangkan? Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Satu, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan kadar upah yang ditetapkan oleh kerajaan kepada keluaran ataupun mereka yang telah menerima latihan sama ada yang berskil ataupun tidak.

Ini tertakluk kepada keperluan ataupun permintaan pekerja dalam pasaran yang ditentukan oleh *market force*, dengan izin. Ia bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk hanya menentukan kadar upah yang dikenakan kepada mereka yang telah diberikan latihan mengikut kadar-kadar tertentu yang mungkin menjadi cadangan oleh mereka yang merasakan kadar upah yang dikenakan itu adalah betul. Ini kerana di mana *supply* ini ditentukan oleh berapa banyak kah keperluan pekerja-pekerja yang diperlukan dalam pasaran dan berapa banyak kah mereka ini yang boleh dibayar dengan kadar upah yang berpatutan berbanding dengan *supply* bagi guna tenaga pekerja asing yang sedang dipakai dalam pasaran.

7. **Datuk Donald Peter Mojuntin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, pandemik-pandemik seperti COVID-19 dan SARS mungkin diikuti dengan penyakit yang lebih teruk lagi, adakah rancangan kerajaan untuk menubuhkan sebuah badan seperti "*The Centers for Disease Control and Prevention*" di Amerika Syarikat untuk memberi tumpuan nasional dalam pembangunan strategi dan mengimplementasikan pencegahan dan pengawalan serta pemantauan penyakit berjangkit, kesihatan alam sekitar, promosi hidup sihat dan pendidikan kesihatan yang mempunyai fokus untuk mempertingkatkan kesihatan rakyat dan melindungi rakyat daripada epidemik dan pandemik penyakit-penyakit berjangkit.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan berkenaan dengan Pusat Kawalan Penyakit Negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberi keutamaan terhadap perancangan dan pelaksanaan program pencegahan dan kawalan penyakit negara.

Selari dengan usaha ke arah memperkukuhkan keupayaan dan kesiapsiagaan menghadapi sebarang ancaman kesihatan awam, kementerian telah mengusulkan cadangan membina Pusat Kawalan Penyakit Negara yang setaraf dengan *The Centers for Disease Control and Prevention* (CDC) seperti di Amerika Syarikat dan di negara-negara lain seperti Taiwan dan China sejak tahun 1998 dahulu. Di mana negara pada masa itu dilanda oleh wabak Nipah *virus, encephalitis*. Inisiatif awal ini diusulkan mengambil kira pelbagai faktor, terutamanya kerugian besar yang ditanggung oleh negara menghadapi pandemik serta krisis kesihatan awam.

Sebagai contoh, pada wabak Nipah *virus* tahun 1998, negara kehilangan sebanyak USD478 juta. Ini tidak termasuk *indirect cost* yang ditanggung oleh kerajaan disebabkan oleh kematian awal, kehilangan sumber pendapatan serta keruntuhan sektor-sektor perniagaan, termasuk industri pelancongan dan perhotelan.

■1040

Kehilangan hak intelek ke atas Nipah Virus kepada CDC Atlanta, USA merupakan kehilangan besar negara disebabkan ketiadaan kapasiti pengujian bagi virus yang berkaitan pada masa itu. Atas usaha berterusan ini projek Pusat Kawalan Penyakit Negara telah diluluskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas, dan kos keseluruhan adalah sebanyak RM500 juta. Pihak Unit Perancang Ekonomi juga telah meluluskan kos bagi kerja awal projek ini sebanyak RM200 ribu.

Cawangan Kerja Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek ini pada tahun 2019. Dokumen permulaan pelaksanaan projek ini telah dikemukakan kepada pihak kementerian dan JKR pada 3 Januari 2019, dan Pusat Kawalan Penyakit Negara ini yang sedang dalam proses tender teknikal akan dibina di atas tapak seluas 20 ekar yang terletak di Bandar Enstek di Negeri Sembilan.

Pembinaan tersebut dijangka akan mengambil masa dua hingga empat tahun daripada tarikh pelantikan kontraktor.

Dengan tertubuhnya projek Pusat Kawalan Penyakit Negara ini, keupayaan dan kesiapsiagaan negara dalam aspek pencegahan dan pengawalan penyakit serta ancaman kesihatan termasuk penyiasatan dan pengenalpastian, *potential agent of biotourism* akan dapat diperkukuhkan bagi mengurangkan risiko ancaman serta mempertingkatkan kesihatan dan keselamatan negara dengan lebih efektif lagi. Sekian, terima kasih.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam pemantauan dan pengawalan apa-apa pun penyakit lebih-lebih lagi penyakit berjangkit, satu perkara yang penting laporan atau *reporting*, dengan izin.

Erti kata lain segala data perlu direkodkan. Soalan tambahan saya, adakah *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) masih wujud? Dan apa tahap pendigitalisasi Sistem Maklumat Rawatan Pesakit (SMRP), dan Sistem Maklumat Pendaftaran Pesakit (PRIS) di negara ini? Terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih atas soalan yang agak panjang dan mungkin ada kaitan sedikit. Akan tetapi sebelum itu memang betul laporan ke atas penyakit adalah satu daripada perkara yang amat penting bagi sekarang ini walaupun kementerian belum menubuhkan pusat yang dikatakan tadi.

Akan tetapi sekarang ini kementerian pun kita mempunyai dua *center* ataupun tempat di mana penyiasatan dan pengurusan wabak telah kita adakan atau uruskan. Satu adalah di *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) di Kementerian Kesihatan, Putrajaya di mana semua urusan berkenaan dengan penyakit wabak seperti COVID-19 sekarang ini diuruskan, dan kedua, kita mempunyai Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di Sungai Buloh yang juga memang tugasnya adalah sebagai *Centers for Disease Control and Prevention*. Jadi detil kata soalan-soalan lain saya akan mohon untuk jawab bertulis. *Thank you*.

8. Dato' Haji Husain Bin Awang minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, perancangan strategik dalam Tenaga Boleh Baharu (TBB) selepas delegasi Malaysia di Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) ke-38 baru-baru ini.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN- *ASEAN Ministers on Energy Meeting* (AMEM) ke-38 yang telah diadakan secara maya dari 19 hingga 20 November 2020, negara-negara anggota ASEAN telah bersetuju

dengan pelaksanaan Fasa Kedua, *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) bagi tempoh bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

Untuk pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB), APAEC Fasa Kedua telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik di ASEAN kepada 35 peratus menjelang tahun 2025 berbanding pencapaian semasa iaitu 27 peratus. Sasaran yang ditetapkan ini akan dicapai secara bersama oleh kesemua negara anggota ASEAN. Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia akan turut menyumbang ke arah pencapaian tersebut.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Jawatankuasa Perancangan Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif telah menetapkan sasaran pembangunan TBB dalam pembekalan elektrik negara. Sasaran tersebut akan diumumkan selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penglibatan sektor awam dan juga swasta dalam industri tenaga boleh baharu merupakan tunjang utama dalam mengukuhkan kedudukan industri. Soalan saya, sejauh mana penglibatan syarikat-syarikat swasta melabur dalam industri tenaga boleh baharu ini dan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam meneroka tenaga baru diperbaharui. Terima kasih.

Tuan Ali anak Biju: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Satu soalan yang amat baik. Dalam menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang tenaga boleh baharu, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang memberikan fokus kepada pembangunan sektor TBB seperti berikut.

Pertama, pembelian elektrik pada kadar tarif premium oleh utiliti melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT) bagi TBB yang dijana dan dieksport ke gred nasional. Buat masa ini kuota di bawah sumber biogas, biojisim dan hidro kuasa kecil masih boleh dipohon melalui proses e-Bidding.

Kedua, pelaksanaan *Net Energy Metering* (NEM) yang membolehkan pengguna menjana tenaga melalui pemasangan solar *voltage* untuk kegunaan sendiri bagi penjimatan bil elektrik. Melalui NEM lebihan tenaga elektrik yang dihasilkan akan dieksport ke gred dan dikreditkan dalam bentuk kredit tangga dalam bil pengguna.

Ketiga, pelaksanaan *Large Scale Solar* (LSS) 1, 2, 3 melalui proses pembidaan kompetitif dan terbuka bagi mendapatkan bekalan tenaga solar pada kadar tarif yang paling kompetitif. Setakat ini terdapat 426 buah syarikat telah menyertai proses bidaan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga dan 57 buah syarikat dengan tawaran harga yang paling kompetitif telah berjaya dan telah diluluskan untuk membangunkan loji kuasa solar berskala besar.

Saya ada dua minit lagi. Bagi LSS 4 Mentari, sebanyak 138 bidaan daripada syarikat tempatan telah diterima oleh Suruhanjaya Tenaga untuk kapasiti penjanaan 1,000 megawatt yang akan menjana nilai pelaburan RM4 bilion dan mewujudkan 12 ribu peluang pekerjaan. Buat masa ini Suruhanjaya Tenaga dalam proses penilaian semua bidaan dan keputusan akan diumumkan pada tahun 2021.

Keempat, pengenalan insentif *Fiscal Green Investment Tax Allowance* serta *Green Income Tax Exemption* pada 2016 diteruskan sehingga 2023.

Kelima, pelaksanaan insentif pembiayaan *Green Technology Financial Scheme* untuk membantu syarikat-syarikat tempatan mendapatkan pembiayaan bagi pelaksanaan projek TBB. Sekian, terima kasih.

9. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, statistik pemeriksaan alat timbang kenderaan di pusat pembelian buah sawit di Sarawak dalam tempoh tiga tahun yang lalu sehingga kini dan tindakan yang telah diambil ke atas pemilik lesen DF yang gagal menentukur jambatan timbang mereka.

■1050

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Dewan yg mulia ini, peniaga buah sawit (DF) dilesenkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk membeli, menjual dan mengalih buah kelapa sawit.

Manakala, jabatan timbang di pusat-pusat timbang yang dimiliki oleh peniaga tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai MPOB ke atas peniaga buah sawit adalah berkaitan pematuhan ke atas syarat-syarat *license* DF yang melibatkan perkara seperti membeli dan menjual buah sawit daripada pembekal tanpa *license*, tidak menerima buah sawit muda, tidak menambah benda asing seperti air, batu dan pasir, melakukan penggredan ke atas buah sawit, mempamerkan harga dan bacaan timbang serta mematuhi garis panduan amalan peniaga buah kelapa sawit yang ditetapkan oleh MPOB.

Berikut merupakan statistik lawatan penguatkuasaan yang telah dilakukan oleh pegawai MPOB Wilayah Sarawak ke atas peniaga buah di Sarawak bagi tahun 2017 sehingga 2019. Pegawai MPOB Wilayah Sarawak telah mengadakan lawatan penguatkuasaan sebanyak 1,028 kali pada tahun 2017, manakala 621 dan 436 kali pada tahun 2018 dan 2019. Sebanyak 400 tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2017, 122 kes pada tahun 2018 dan 121 kes pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu penipuan atau manipulasi berat timbangan, MPOB Wilayah Sarawak telah mengadakan operasi bersepadu bersama KPDNHEP pada bulan Ogos 2019. Operasi ini diadakan untuk memastikan DF tidak menjalankan kegiatan

manipulasi dan penipuan timbangan buah kelapa sawit. Bagi perkara yang melibatkan jabatan timbang yang tidak ditentu ukur, MPOB akan memaklumkan kepada KPNDHEP dan akan bekerjasama dalam melakukan siasatan ke atas jabatan timbang berkenaan.

Hasil daripada operasi tersebut, dua buah premis DF telah didapati melakukan kesalahan gagal untuk meletakkan pelekat tentu ukur ke atas meter timbang dan melakukan timbangan yang melebihi had maksimum yang diluluskan. Kesalahan ini adalah di bawah bidang kuasa KPNDHEP dan tindakan lanjut telah diambil oleh pihak KPNDHEP. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah adakah pusat timbang yang tidak beroperasi dalam tempoh tersebut dan sebab-sebab pusat timbang tersebut tidak beroperasi. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih, Yang Berhormat. Pusat-pusat timbang yang saya maksudkan tadi saya sudah katakan bahawa di bawah kuasa KPNDHEP. Akan tetapi, apa-apa yang dibuat aduan, maka bagi pihak MPOB akan bekerjasama atau mengadakan - bersepadu dijalankan siasatan bersama dengan kementerian berkenaan untuk memastikan sekiranya ada apa-apa kesalahan yang dilakukan, maka ia akan diambil tindakan susulan atau tindakan mahkamah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

10. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik kes kemalangan membabitkan pemandu yang melulu pemanduan mabuk di bawah pengaruh minuman alkohol, penyalahgunaan dadah dan cuai sewaktu pemanduan bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2020 mengikut negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, statistik kemalangan jalan raya yang menyebabkan oleh pemandu mabuk di bawah pengaruh alkohol dan dadah bermula dari bulan Januari sehingga November 2020 di seluruh Malaysia sebanyak 160 kes.

Daripada jumlah ini, 25 kes melibatkan kemalangan maut, 41 kes melibatkan kemalangan cedera dan 94 kes melibatkan kemalangan rosak. Keseluruhan jumlah kemalangan disiasat di bawah seksyen 44, dan 45, Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tiga buah negeri tertinggi merekodkan kes pemanduan di bawah pengaruh alkohol dan dadah adalah Selangor, Perak dan Johor iaitu masing-masing 42 kes, 18 kes dan 17 kes. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, jawapan yang ringkas dan agak padat. Cuma saya suka hendak tarik perhatian Dewan yang mulia ini selama 11 bulan, 25 kes maut daripada gejala mabuk dan juga dadah.

Jadi, soalan tambahan saya, setakat mana usaha kerajaan memperketat garis panduan kepada pusat hiburan, hotel, atau premis tertentu yang menghidangkan arak untuk membuat *breath test*, *test* pernafasan sama ada dengan *mobile* atau alat berteknologi bagi menyemakkan *blood alcohol concentration* di pintu masuk dan keluar premis. Adakah kerajaan- kalau tidak ikut yang diarahkan, kerajaan membatalkan lesen seterusnya? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat itu satu pandangan dan cadangan yang baik. Cuma, itu di luar bidang kuasa KDN dan bolehlah KPKT dan juga di bawah *local council* untuk mengambil tindakan.

Untuk maklumat tambahan, kita- *alhamdulillah*, bersama dengan Kementerian Pengangkutan Jalan kita telah berjaya membuat pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan yang mana kadar alkohol dalam nafas, darah dan juga air kencing telah kita turunkan supaya dapat kita mengenakan tindakan yang lebih tegas kepada pemanduan mabuk ini.

Juga sebagai langkah yang drastik saya percaya bahawa tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan bagi menggantung lesen pemandu bagi pesalah yang melanggar syarat-syarat pemanduan ini dapat kita laksanakan. Saya percaya ini adalah di bawah bidang kuasa mahkamah dan mahkamah akan mengambil kira keadaan kadar pemanduan mabuk yang melibatkan kematian sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dengan izin, boleh tambah satu soalan lagi? Ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Okey Yang Berhormat Menteri, saya sebagai seorang peguam yang buat banyak kes kemalangan ya

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, soalan saya tadi statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu, ada tidak statistik- berapakah kes yang melibatkan alkohol dan berapakah kes yang melibatkan dadah? Itu saja. Terima kasih. Kalau tidak ada statistik, boleh secara bertulis.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Sebenarnya kalau kita lihat kepada kadar yang kemalangan ini ,saya punya statistik mengenai kemalangan sahaja tanpa membandingkan atau membuat agihan akibat daripada alkohol dan juga dadah. Saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat selepas ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi.

11. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah usaha kementerian untuk memastikan Murid Bekeperluan Khas yang ditempatkan di Program Pendidikan Inklusif mendapat sokongan seperti pembantu bayangan (*shadow aide*) agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan cepat dan dapat mengikuti pembelajaran seiring dengan murid tipikal.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan program pendidikan Murid Berkeperluan Khas (MPK) belajar bersama-sama murid lain di arus perdana. Bagi memastikan MPK dapat menyesuaikan diri, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan garis panduan PPI, MPK sebagai panduan kepada sekolah. Semua sekolah yang mempunyai MPK perlu menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah atau JPKS supaya PPI dapat dijalankan secara terancang dan sistematik.

Jawatankuasa ini perlu melantik guru pendamping dalam kalangan guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi memberi sokongan kepada MPK yang berada di PPI. Sekolah yang mempunyai MPK kurang upaya penglihatan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu melantik guru PPKI sebagai guru *resource*. Kesesuaian MPK dinilai terlebih dahulu sebelum ditempatkan di PPI. Bagi MPK prasekolah, pemilihan dibuat menggunakan instrumen menentukan penempatan MPK atau impak oleh panel penentu penempatan.

■1100

Penempatan MPK rendah dan menengah di PPKI ke PPI pula dilaksanakan melalui penggunaan Senarai Semak Kesediaan Inklusif (SSKI). Bagi MPK di sekolah tanpa PPKI, SSKI turut dilaksanakan bagi mengesahkan sama ada penempatan bersesuaian dengan keperluan MPK.

Semua guru pendidikan khas dan guru arus perdana, khususnya di sekolah yang tidak mempunyai PPKI diberikan kursus dan pendedahan secara berperingkat-peringkat dalam mengendalikan MPK di PPI. Bagi guru arus perdana, bantuan dan khidmat nasihat boleh diperoleh daripada JPN, PPD, jurulatih utama pusat, jurulatih utama negeri, guru pendidikan khas di PPKI yang berhampiran. KPN turut menyediakan tiga modul yang berkaitan untuk membantu pihak sekolah melaksanakan PPI secara berkesan iaitu:

- (i) modul latihan pembangunan profesional guru pendidikan inklusif;
- (ii) modul ibu bapa; dan
- (iii) modul rakan inklusif.

Daripada aspek perkhidmatan sokongan, KPN menyediakan sebanyak 13 buah Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) di seluruh negara.

Selain itu, Kementerian turut menggalakkan penglibatan aktif ibu bapa dan komuniti melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan agensi lain melaksanakan sukarelawan dalam kelas bagi membantu MPK di PPI. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah, apa tindakan proaktif KPM untuk memastikan kanak-kanak kurang upaya yang berusia tujuh tahun ke atas yang tidak belajar di sekolah sebelum *Zero-reject Policy*, dengan izin, kini menghadiri sekolah? Terima kasih.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba. Berpandukan kepada Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], semua murid termasuk murid berkeperluan khas (MBK) berhak untuk menerima pendidikan selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.

Jadi, sebenarnya tiada yang ditolak selama ini dan kita menerima dan meluluskan semua permohonan bagi pendaftaran persekolahan MBK setelah memberi khidmat nasihat berhubung dengan pilihan persekolahan kepada ibu bapa ataupun penjaga MBK. Jadi walau bagaimanapun, bagi MBK yang berumur melebihi tujuh tahun dan belum pernah bersekolah, mereka tetap diterima tetapi perlu mengikuti intervensi asas sebelum mereka ditempatkan sama ada di sekolah pendidikan khas di program PPKI ataupun PPI.

Jadi, apabila ditempatkan di sekolah, mereka ini perlu menjalani tempoh percubaan tidak melebihi tiga bulan bagi tujuan yang tersebut, yang berikut iaitu memberi intervensi dan sokongan yang bersesuaian bagi meminimumkan ketidakupayaan untuk mengikuti pembelajaran dan menentukan kesesuaian penempatan mereka mengikuti pendidikan khas. Terima kasih.

Timbalan di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Mah Hang Soon, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding.

12. Puan Susan Chemerai Anding minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, apa perancangan Kementerian untuk membantu mengatasi masalah di mana sektor pertanian Sarawak masih kekurangan daripada segi infrastruktur agro asas seperti sistem pengairan dan perparitan, jentera ladang, jalan ladang dan sebagainya untuk pertanian moden dan pertanian berskala besar terutamanya tanaman padi?

Timbalan Menteri Pertahanan dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAFI akan terus berusaha untuk membangunkan sektor pertanian negara khususnya di negeri Sarawak

dengan menyediakan infrastruktur yang lengkap serta membangunkan kawasan tanaman padi dalam RMKe-12.

Bangunan infrastruktur pertanian ini amat penting bagi meningkatkan taraf sosioekonomi petani secara menyeluruh. Sehingga kini, MAFI telah melaksanakan beberapa projek melalui agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) bagi skim-skim pengairan padi negeri Sarawak yang mana sasaran terhadap pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran jelapang dan di luar jelapang adalah menjadi keutamaan dalam membangun dan menaik taraf infrastruktur pengairan tanaman padi.

Bagi mempergiatkan pembangunan sektor pertanian khususnya tanaman padi di Sarawak, MAFI telah menyalurkan peruntukan berjumlah sebanyak RM337.9 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Peruntukan ini adalah bagi membangunkan keperluan infrastruktur pengairan dan saliran bagi tanaman padi. Sebanyak 51 peratus atau RM172.3 juta daripada jumlah peruntukan tersebut adalah tertumpu kepada kawasan jelapang manakala sebanyak 49 peratus adalah untuk kawasan di luar jelapang untuk negeri Sarawak.

Bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur pertanian yang sedia ada dan jalan pertanian, MAFI juga telah menyalurkan peruntukan seperti berikut:

- (i) RM6.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020;
- (ii) RM18.3 juta di bawah penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran;
- (iii) RM6.8 juta di bawah pembinaan dan pembaikan jalan pertanian; dan
- (iv) RM330.18 juta di bawah pembangunan kumpulan penggunaan air di beberapa buah agensi pelaksana seperti JPS negeri Sarawak dan semua Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di negeri Sarawak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai rancangan khusus untuk meningkatkan penghasilan benih *variety* moden bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti padi di Sarawak? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya negeri Sabah dan juga Sarawak, selain daripada tanaman padi secara tradisional biasa, tanaman padi bukit ataupun padi huma menjadi pilihan iaitu sebanyak 60 ribu hektar, ke-70 ribu hektar yang ditanam untuk tanaman padi huma.

Pada tahun 2009 misalannya, MARDI telah menjalankan satu projek yang melibatkan kajian pengurusan penanaman padi bukit di kawasan tanah darat yang beralun dan berbukit bagi membantu untuk kita memastikan supaya dapat peningkatan potensi pengeluaran hasil di Sarawak selama tiga tahun.

Jadi, komponen teknologi adalah seperti berikut. Pertamanya penampakan tanaman, pengurusan nutrien, pembajaan, pengurusan rumpai, serangga dan mekanisasi. Apa yang Yang Berhormat sebut tadi tentang apakah *variety* yang menjadi pilihan utama. Untuk padi bukit, sebenarnya adalah *varieties* yang tradisional seperti lawi, bertih kuning, serasan, sempangan dan buntar.

Untuk senarai *variety* sawah yang popular pula, di Sarawak MR200 dan MR219. Keduanya, MR263 dan ketiganya ialah MRQ76 dan MRQ98 untuk padi merah yang pada ketika ini mendapat sambutan yang cukup hebat daripada pesawah. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan dan Industri Makanan I. Untuk itu bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan ditamatkan. Seterusnya. Dipersilakan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.09 pg.

Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]: Tuan Yang di-Pertua:

“Tanpa mengambil kira usul terdahulu yang diputuskan pada, 16 Disember 2020, di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat yang sama bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan D.R.16/2020 - Rang Undang-undang Perbekalan 2021, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 28 Disember 2020.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[22 Disember 2020]**

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

11.11 pg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan seluruh warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih kepada lapan Yang Berhormat Ahli Senator yang telah membahaskan dan memberikan pandangan terhadap beberapa perkara berkaitan belanjawan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya menyentuh tiga bidang utama iaitu perumahan, kebombaian dan kerajaan tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas A. Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd. Radzi; Yang Berhormat Senator Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharudin Shah; Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying; Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong; Yang Berhormat Dato’ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee; dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan. Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili bertanya mengenai pembangunan rumah mampu milik (RMM) di Sarawak khususnya. Untuk makluman Yang Berhormat, antara pelan kementerian ialah untuk membina rumah mampu milik di seluruh negara termasuklah di Sarawak iaitu melalui penyelarasan rumah mampu milik melalui pelaksanaan program dan skim perumahan seperti berikut:

- (i) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- (iii) perumahan PRIMA; dan
- (iv) Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Bagi status penyediaan rumah mampu milik di negeri Sarawak, mulai bulan Julai 2018 sehingga 31 September 2020, sebanyak 2,964 unit rumah mampu milik sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Jumlah ini merangkumi 5,037 unit rumah dalam perancangan, 3,099 unit dalam pembinaan dan 3,098 unit rumah telah disiapkan oleh tiga pihak penyedia perumahan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pemaju swasta. Daripada jumlah tersebut, penyediaan RMM di bawah KPKT sebanyak 9,864 unit. Jumlah ini merangkumi 3,133 unit rumah dalam perancangan, 28,395 unit rumah dalam pembinaan dan 3,836 unit rumah telah disiapkan.

Sementara Program Perumahan Rakyat (PPR), sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 11 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) melibatkan 5,250 unit rumah telah siap dan sedang dibina di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, lapan projek PPR merangkumi 4,180 unit rumah telah siap dibina dan tiga projek PPR masih dalam pembinaan yang melibatkan 1,112 unit rumah. *Detail*-nya ada pada saya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Termasuklah di kawasan Petrajaya, Landeh, Siburan, Sibu, Samarahan dan lain-lain lagi yang mana lapan projek siap dengan 4,140 unit dan dalam pembinaan tiga projek berjumlah 1,112 unit rumah yang melibatkan pelbagai kos.

Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM). Sehingga bulan Oktober 2020, sebanyak 70 projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia yang melibatkan 1,793 unit rumah di pelbagai peringkat pembinaan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, dua projek Perumahan Penjawat Awam ini merangkumi 5,044 unit rumah telah siap dibina, tiga projek PPAM masih dalam pembinaan yang melibatkan 7,011 unit rumah dan dua projek PPAM dengan 5,038 unit PPAM masih dalam peringkat kelulusan pelan pembangunan serta perancangan.

Senarai projek PPAM negeri ada pada kita, Tuan Yang di-Pertua, termasuk di kawasan Muara Tuang sebanyak 340 unit rumah, Miri sebanyak 204 unit rumah, Kota Samarahan sebanyak 3,209 unit rumah, Tabuan Jaya 192 unit rumah, Matang sebanyak 198 unit rumah dan juga Jalan Pujut sebanyak 340 unit rumah.

Sementara untuk projek PRIMA, untuk makluman, setakat bulan Disember 2020, terdapat tiga projek PRIMA di negeri Sarawak dengan pelbagai status pembinaan. Daripada jumlah ini, dua buah projek telah siap dibina iaitu Residensi Matang dan Residensi Bintawa Riverfront. Manakala projek Residensi Semenggoh Fasa 1, sedang dalam pembinaan dan projek Residensi Semenggoh Fasa 2, sedang dalam perancangan.

Berikut butir-butir lanjut projek PRIMA di Sarawak. Di Petrajaya sebanyak 112 unit telah siap. Di Kuching, Residensi Bintawa Riverfront, sebanyak 1,320 unit dan Mambong Fasa 1, sebanyak 558 unit dan Fasa 2 sebanyak 702 unit. Semuanya ialah 3,490 unit rumah.

Sementara itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi Projek Rumah Mesra Rakyat, berdasarkan pembentangan Bajet 2021, sebanyak 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat akan dibina di seluruh negara dan akan ditawarkan kepada pemohon RMR dalam senarai menunggu, termasuk 488 unit kepada pemohon di negeri Sarawak yang akan dinilai semula serta kepada pemohon baharu yang berkelayakan.

Status pelaksanaan Rumah Mesra Rakyat di seluruh negara dan di negeri Sarawak. Berdasarkan statistik sehingga 30 November 2020, sebanyak 53,119 unit perumahan telah diluluskan di seluruh negara yang mana 46,831 unit telah berjaya disiapkan, manakala 6,288 unit dalam berbagai-bagai peringkat pembinaan. Manakala di Sarawak, sebanyak 1,633 permohonan telah diluluskan yang mana 1,438 unit telah berjaya disiapkan, manakala 190 unit masih dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair berhubung peruntukan tahun 2021 tentang pembinaan Perumahan Penjawat Awam Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, perumahan PPAM program yang dikhaskan untuk penjawat awam termasuk anggota-anggota keselamatan terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri di bawah harga pasaran di seluruh Malaysia.

Peruntukan bagi program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) bagi tahun 2021 berjumlah RM310 juta. Ia adalah komitmen kerajaan ke atas sebanyak 107 projek yang melibatkan sebanyak 19,704 unit sambungan sedia ada yang telah diberikan kelulusan sebelum bulan Mei 2018 dan tidak melibatkan projek baharu. Projek-projek tersebut kini dalam pelbagai fasa pelaksanaan seperti perancangan, pembinaan dan peringkat akhir.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah memfokuskan kepada perumahan bagi anak muda di bawah skim *Rent to Own* (RTO). Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Rumah Sewa Untuk Dimiliki ataupun *Rent to Own* (RTO) bagi Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui KPKT bermula dari tahun 2017. Skim ini bertujuan bagi membantu pemohon PPR yang berkelayakan tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Buat masa ini, skim RTO telah dilaksanakan di 10 projek yang melibatkan sebanyak 4,650 unit rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mengambil maklum akan cadangan penyediaan skim RTO ini disegerakan serta mengambil kira keperluan anak-anak muda yang memerlukan memiliki rumah.

Saya pula beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying berkaitan kos pembelian rumah mampu milik.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharudin Shah: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharudin Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan peruntukan untuk anak-anak muda, perumahan mereka tidak mencukupi dan amat kebelakangan, tidakkah kerajaan bercadang untuk mengambil satu pendekatan baharu atau *think outside the box* untuk menggunakan perumahan-perumahan yang tidak dijual begitu lama yang kita telah cuba melalui usaha KPKT juga dahulu untuk memasuki pasaran dengan mengambil alih, seperti apa yang dilakukan di Barcelona, kerajaan mengambil alih dan menjual dengan harga lebih berpatutan kepada anak-anak muda?

■1120

Kita perlulah proaktif dan melihat secara lebih kreatif serta inovatif untuk mengatasi masalah ini kerana anak muda amat-amat tertekan untuk memiliki atau menduduki sewa-sewa rumah-rumah ini di kawasan bandar. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu pandangan yang baik dan Yang Berhormat juga merupakan salah seorang bekas Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita akan lihat pandangan Yang Berhormat dengan pengalaman yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying berkaitan dengan pembinaan rumah mampu milik, termasuklah Program Perumahan Rakyat (PPR) berdasarkan peruntukan yang dipersetujui oleh KPKT.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Belanjawan 2021 berjumlah RM594,500,000 adalah bagi 36 projek sambungan sedia ada bagi pembinaan 14,509 unit rumah di seluruh negara dan tidak melibatkan projek baru. Peruntukan ini merupakan peruntukan bagi tahun 2021.

Manakala peruntukan bagi Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di bawah Belanjawan 2021 berjumlah RM310 juta adalah bagi 107 projek iaitu 19,704 unit sambungan sedia ada dan tidak melibatkan projek baru.

Tuan Yang di-Pertua, KPKT juga telah menggalakkan penglibatan pemaju swasta dalam pembangunan rumah mampu milik yang bertepatan dengan kehendak pasaran melalui program-program perumahan mampu milik sedia ada di bawah kementerian ini seperti Program Perumahan Penjawat Awam dan sebagainya, termasuk di peringkat negeri. Berhubung dengan perumahan PR1MA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Pihak PR1MA telah menjalankan transformasi holistik untuk menangani isu-isu *structural*, cabaran penyediaan perumahan serta memastikan kelestarian operasi.

Setakat ini, sebanyak 17 projek daripada sejumlah 30 projek yang telah dan akan ditamatkan, telah dimuktamadkan jumlah tuntutan pembayaran sebanyak RM170 juta. Projek-projek tersebut perlu dibatalkan sejajar dengan arahan Kementerian Kewangan untuk membatalkan projek-projek dengan prestasi kemajuan di bawah 15 peratus.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Perancangan terkini PR1MA akan terus menambah baik kontrak pembangunan akan datang bagi menjaga kepentingan PR1MA dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, menyentuh isu projek perumahan terbengkalai iaitu bagi Taman Desa Kempas dan Taman Seri Molek Perdana di Johor Bahru. Projek perumahan Taman Desa Kempas Johor Bahru, Johor merupakan projek perumahan swasta kos rendah yang dimajukan oleh syarikat Maju Delima Sdn. Berhad. Melalui perjanjian usaha sama dengan Unit Perancangan Ekonomi Kerajaan Negeri Johor. Butiran pemajuan yang dilesenkan di bawah Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*]. Melibatkan tahun perjanjian jual beli 2000, tahun patut siap 2003, bilangan rumah 173, pembeli 155.

Projek ini dimulakan pada tahun 2000 dan sepatutnya siap pada tahun 2003. Pemaju asal tidak digulung dan masih boleh meneruskan projek tetapi menghadapi masalah kewangan sehingga melewatkan penyiapan projek ini secara keseluruhannya. Kelewatan pemaju asal untuk mengemukakan permohonan sokongan kepada agensi teknikal yang terlibat. Pemaju projek diteruskan oleh pihak pemaju asal dan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan tempatan (KPKT).

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan dan pemantauan kemajuan projek, secara keseluruhannya telah mencapai 90 peratus bagi tiga buah blok yang dibina iaitu Blok 3, 4 dan 7, dan keseluruhan sembilan buah blok seperti mana kelulusan pindaan. Kebenaran merancang pada 15 Mac 2020 seperti mana saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, rumah kos rendah Taman Seri Molek Perdana. Untuk makluman Yang Berhormat, projek lewat Taman Seri Molek Perdana telah diambil semula oleh SPNB pada November 2019 daripada kontraktor asal dan akan disiapkan sepenuhnya pada suku pertama tahun 2021. Fasa F- 160 unit untuk rumah, dan lapan unit kedai akan diserahkan kunci pada bulan Januari 2021 dan keseluruhan projek ini akan disiapkan sepenuhnya pada suku pertama 2021 iaitu baki 724 unit dan 30 unit kedai. SPNB juga akan mengambil tindakan terhadap kontraktor asal yang bertanggungjawab ke atas kelewatan projek ini mengikut lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, bertanyakan mengenai perumahan isu setinggan di bandar. Untuk makluman Yang

Berhormat juga, salah satu inisiatif perumahan yang dilaksanakan oleh KPKT bagi membantu PBT kerajaan negeri dalam menangani perumahan setinggan dan memenuhi keperluan perumahan golongan pendapatan rendah melalui pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR).

Sehingga 31 Oktober 2020, terdapat 191 projek melibatkan 111,370 unit telah dilaksanakan merangkumi 146 projek, 93,735 unit rumah PPR telah siap dibina, 34 projek dalam pembinaan, dan sebelah buah projek yang melibatkan 4,120 unit dalam perancangan di seluruh negara. Kita juga berharap supaya masalah setinggan di seluruh negara dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, tentang perancangan KPKT dalam membina Akademi Bomba dan Penyelamat di Sarawak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat permohonan untuk projek pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Samarahan, Sarawak untuk dilaksanakan dalam RMKe-12, *Rolling Plan* Pertama 2021. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh agensi Pusat. Kami di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus memohon semula projek ini bagi memastikan supaya Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia ini dapat dilaksanakan.

Bagi isu kerajaan tempatan, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi meminta menambahbaik kemudahan awam bagi golongan OKU seperti di tandas awam dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan khas disalurkan kepada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan penambahbaikan, pengubahan asal, persekitaran fizikal supaya bangunan seperti kebanyakan perhentian bas dan tandas awam mesra OKU. Namun begitu, semua bangunan premis baru diwajibkan untuk menyediakan kemudahan. Tindakan penguatkuasaan bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila simpulkan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih. Saya ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. *Insyaa-Allah* kita akan beri perhatian kepada OKU, di mana seperti mana arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi memastikan supaya tindakan undang-undang juga akan dikenakan bagi mereka yang berkecuaian terhadap kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada OKU ini.

Terakhir ialah Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, membangkitkan isu iklan-iklan haram di bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, PBT di seluruh negara sentiasa proaktif dan tegas dalam membanteras masalah iklan haram, terutama di bandar-bandar dengan mengadakan

operasi bersepadu bersama polis, PDRM. Kompaun juga dikeluarkan kepada mana-mana individu syarikat yang telah mendapati memasang iklan-iklan haram berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bagi pihak Menteri dan seluruh keluarga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih banyak-ya.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan, singkat sahaja? *Straight to the point.*

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah simpul, beliau sudah simpulkan. Silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih. Minta maaf Yang Berhormat, saya ikut arahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau izin, saya beri penjelasan, *insya-Allah.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan, saya mengucapkan terima kasih banyak bagi pihak Menteri dan seluruh keluarga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepada lapan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mencelah, memberikan pandangan dan juga memberikan idea tentang peningkatan perkhidmatan terbaik untuk daripada KPKT.

Jika ada jawapan yang tidak jelas dan perlu penjelasan, sila berjumpa dengan saya dan berjumpa dengan kami daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *Insya-Allah* itu yang penting, perkhidmatan yang cemerlang kita berikan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

11.29 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya memulakan ucapan penggulungan ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah memperuntukkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebanyak RM10.2 bilion bagi tahun 2021. Terdapat peningkatan 4.41 peratus iaitu RM431 juta jika dibandingkan pada tahun 2020.

■1130

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6.65 bilion peruntukan pembangunan dan RM3.53 bilion bagi peruntukan mengurus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, KPLB merupakan kementerian ketiga yang mendapat peruntukan DE tertinggi dalam Belanjawan 2021. Semasa perbahasan

peringkat Dasar Belanjawan 2021 yang telah berlangsung mulai 16 hingga 21 Disember 2020, seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah sudi berbahas dan mengajukan beberapa pertanyaan, isu, cadangan mahupun pandangan kepada KPLB. Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat.

Oleh itu, izinkan saya menjawab semua pertanyaan isu, cadangan ataupun pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid telah membangkitkan beberapa isu mengenai kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Isu yang pertama senarai projek jalan di kawasan Orang Asli sepanjang tahun 2021. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek jalan yang akan dilaksanakan di perkampungan Orang Asli pada tahun 2021 sebanyak 27 buah projek dengan peruntukan sebanyak RM20 juta dan jumlah kos keseluruhan projek ini adalah bernilai RM250 juta dari tahun 2017 sehingga tahun 2023. Perincian maklumat ada bersama saya.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid membangkitkan status projek jalan Pos Kemar ke Pos Bawong yang melalui Pos Piah dan Pos Poi.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi pembinaan jalan sepanjang 60 kilometer ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2021. Bagi projek pembinaan jalan RPS Kuala Betis-Pos Hau-Pos Balar-Pos Belatim-Pos Bihai-RPS Kuala Betis-Gua Musang, Kelantan sepanjang 122.3 kilometer, ia di bawah kendalian JKR Malaysia. Pada masa ini, pihak JKR sedang menyediakan reka bentuk dan projek dijangka di tender pada bulan Mac 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid juga, pada masa ini, pemantauan kerosakan jalan di luar bandar dilaksanakan melalui Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan. Kementerian ini akan meneliti untuk mempertimbangkan penubuhan jawatankuasa khusus berdasarkan kesesuaian dengan penglibatan pelbagai pihak seperti jabatan hutan, pejabat daerah, pejabat tanah dan JKR.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyediaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk masyarakat Orang Asli, seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa, usaha menyediakan rumah kediaman yang selesa dengan kemudahan infrastruktur lengkap merupakan antara fokus dan komitmen JAKOA untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Bantuan perumahan di perkampungan Orang Asli dilaksanakan melalui PPRT yang melibatkan bantuan pembinaan baharu rumah dan baik pulih rumah yang sedia ada. Rumah yang dibina turut dilengkapi dengan kemudahan asas iaitu bekalan elektrik dan bekalan air.

JAKOA juga sedang meneliti cadangan untuk menyediakan reka bentuk khusus bagi rumah Orang Asli menggunakan bahan daripada sumber tempatan dengan kerjasama Lembaga Arkitek Malaysia. Sekiranya cadangan ini dapat direalisasikan, ia dijangka dapat mengurangkan kos pembinaan, sekali gus membolehkan lebih banyak rumah dibina bagi mempercepatkan penyediaan rumah kepada penduduk yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu berkenaan Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli (Putra Asli) Kuala Terengganu seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Isa. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Mesyuarat Pengurusan JAKOA Bilangan 8 Tahun 2021 telah membuat keputusan supaya Putra Asli ini menempatkan pelajar Tingkatan 1, Tingkatan 2, dan Tingkatan 3.

Pihak JAKOA telah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu bagi memaklumkan untuk memasukkan pelajar-pelajar Orang Asli ke sekolah terbaik sekitar negeri Terengganu, khususnya daerah Kuala Nerus. Namun begitu, ia bergantung kajian dan pencapaian semasa pelajar. Anggaran kemasukan ke Putra Asli apabila ia siap sepenuhnya, dijangka adalah seramai 100 orang. Manakala bagi jumlah keseluruhan kemasukan pelajar Orang Asli ke pusat pengajian tinggi tahun 2020 seramai 195 orang pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa, JAKOA juga sedang memperincikan cadangan untuk menaikkan wang saku pelajar Orang Asli dan telah mengadakan bengkel garis panduan ataupun SOP berkenaan wang saku pelajar pada 4 hingga 6 Disember 2020 bagi mempertimbangkan kos wang saku pelajar daripada RM2 ke RM5. Selanjutnya JAKOA dalam proses mengangkat Nota Jemaah Menteri ke KPLB dalam tempoh terdekat bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Pihak JAKOA amat berterima kasih atas keprihatinan dan cadangan Yang Berhormat tersebut. Namun begitu, bergantung kepada kelulusan kadar oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga kekangan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa juga telah membangkitkan isu keciciran data masyarakat Orang Asli dalam sistem eKasih dan sistem pengurusan maklumat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JAKOA telah menggunakan pangkalan data secara digital yang dinamakan sistem eDamak yang telah dibina pada tahun 1999. Sistem ini bertujuan mengumpul dan menganalisis laporan seperti demografi dan profil masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2005, sistem eDamak ini telah ditambah baik bagi mengatasi isu tidak mesra pengguna, tidak dinamik dan data bertindih. Selain sistem eDamak juga telah ditambah baik daripada sebuah sistem *stand alone* dan *web-based* serta ditambah model penerimaan bantuan.

Pada tahun 2016, JAKOA telah membangunkan SPMOA ini yang dinamakan iDamak bagi menggantikan sistem eDamak. Sistem ini adalah lebih komprehensif, bersepadu dan menepati keperluan pengguna serta menghubungkan semua data di peringkat ibu pejabat negeri dan daerah. Sehingga kini sistem iDamak telah berjaya merekodkan 198,015 Orang Asli di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kedua-dua sistem ini iaitu iDamak dan eKasih, mempunyai objektif dan keperluan berbeza di mana sistem iDamak sebuah sistem yang merekodkan semua data yang diperlukan termasuk profil ketua isi rumah di demografi, pendidikan, infrastruktur, pertanian dan lain-lain lagi.

Manakala sistem eKasih pula merupakan sistem pangkalan data bersepadu isi rumah miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu, merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan di bawah penyelarasan oleh ICU JPM. Sistem eKasih ini juga dijadikan rujukan oleh kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program pembasmian kemiskinan.

Sistem iDamak merupakan pembekal data ketua isi rumah miskin dan miskin tegar untuk dimasukkan ke dalam sistem eKasih. JAKOA dari semasa ke semasa akan mengintegrasikan data-data ketua isi rumah miskin ke dalam sistem eKasih termasuk mengadakan sesi perbincangan dan libat urus bagi menyelaraskan perkara ini.

Berkenaan isu kerja-kerja mengukur tanah sempadan bagi 21 buah perkampungan Orang Asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, tidak hadir? Boleh saya langkau Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Langkau.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Untuk makluman, kita sudah ada peruntukan. Berkenaan tempoh- Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook...

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Telah mengutarakan dua isu mengenai KPLB.

Pertama adalah berkaitan dengan kerosakan jalan di antara Kampung Terbok dan Kampung Kok Seraya, Tumpat, Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian mengambil maklum berkenaan keperluan menaiktarafkan jalan di antara Kampung Terbok dan Kampung Kok Seraya yang menjadi laluan utama kepada penduduk kampung pada ketika ini.

Sehubungan dengan itu, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada kerajaan negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian Kerja Raya menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum dikemukakan pada pihak EPU JPM untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan adalah berkaitan pembiayaan pelajar untuk masyarakat keturunan Siam. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2013, Majlis MARA telah meluluskan kemudahan pinjaman pelajaran MARA kepada masyarakat Siam tertakluk kepada syarat dan peraturan semasa.

■1140

MARA juga dalam tindakan menambah baik dasar berkaitan pemberian kemudahan MARA kepada masyarakat Siam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang telah mencadangkan supaya KPLB membuat kajian menggunakan sistem alternatif, khususnya tentang sistem mini grid untuk bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat dua kaedah pembekalan di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) iaitu melalui sambungan talian grid dan melalui kaedah alternatif yang merangkumi sistem solar, sistem hibrid dan mikro hidro.

Bagi pelaksanaan sistem solar hibrid dan mikro hidro, memandangkan kapasiti pembekalan adalah besar selepas projek siap dibina, ia akan diserahkan kepada pihak berkuasa elektrik negeri untuk dioperasi dan diselenggarakan. Kutipan bil akan dibuat oleh pihak berkuasa elektrik negeri. Manakala bagi sistem solar dengan kapasiti pembekalan sebanyak tiga kilowatt sehari, sistem tersebut akan diserahkan kepada pihak komuniti, dioperasi dan diselenggarakan dengan bantuan pihak kerajaan negeri. Hakikatnya, kos penjanaan dan kos penyelenggaraan bagi sistem alternatif adalah lebih tinggi daripada talian grid.

Sehubungan itu, kementerian sedang dalam proses untuk menjalankan kajian seluruh berhubung kaedah pembekalan sistem alternatif ini dengan mengkaji sistem sedia ada yang telah dilaksanakan dan mencari kaedah terbaik bagi melaksanakannya pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, KPLB juga sentiasa menjemput pihak berkaitan untuk mengadakan perkongsian mengenai sistem teknologi pembekalan tenaga alternatif untuk ditimbang bagi pelaksanaan di kawasan pedalaman termasuk kawasan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari- terima kasih, telah menyentuh isu berkaitan dengan penanaman semula kelapa sawit dan getah bagi peserta FELCRA serta cadangan untuk menggantikan tanaman getah dengan tanaman lain yang lebih ekonomi dan menguntungkan peserta. Bagi memaju dan membangunkan tanah milik peserta kumpulan sasaran, pembangunan yang akan dibawa oleh FELCRA Berhad adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu di bawah Kanun Tanah Negeri masing-masing. Oleh itu, persetujuan peserta ataupun kumpulan sasaran perlu diperoleh terlebih dahulu untuk sebarang aktiviti pembangunan sama ada aspek perladangan atau selainnya.

Berkenaan cadangan penukaran tanaman daripada getah kepada tanaman lain, pengurusan FELCRA Berhad sedang mengkaji alternatif tanaman selain getah yang kini didapati pembangunan semula tidak dapat memberi pulangan yang baik untuk peserta. FELCRA yang sedang meneliti tanaman-tanaman alternatif yang menguntungkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, FELCRA Berhad telah memberhentikan, memperlahankan aktiviti tanaman semula getah kepada getah akibat ketidakstabilan harga komoditi tersebut. Tanaman semula kini telah menjurus ke arah penanaman sawit. Sehubungan dengan itu, penukaran tanaman selain daripada tanaman getah dan sawit, adalah dicadangkan dilaksanakan di tanah kerajaan negeri atau tanah milik FELCRA Berhad bagi mengurangkan risiko yang melibatkan peserta FELCRA Berhad. Penukaran tanaman ini juga diharap dilaksanakan dengan bantuan daripada pihak kerajaan dan dalam skala kecil yang terlebih dahulu. Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit lagi.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Peruntukan KPLB sebanyak RM10.2 bilion adalah bertujuan bagi pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur asas luar bandar yang dirancang sepanjang tahun 2021. KPLB yakin peruntukan ini dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Komitmen dan iltizam KPLB adalah untuk memastikan masyarakat luar bandar dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera selaras dengan hasrat Pembangunan Luar Bandar dan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Bagi pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator yang tidak sempat dijawab pada sesi kali ini, ia akan dijawab secara bertulis. Jadi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu KPLB. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya berbahas untuk memastikan bahawa kelancaran perjalanan persidangan ini dengan lancarnya. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dapat menyelesaikan jawapan serta perbahasannya dalam tempoh yang disediakan. Terima kasih.

Dijemput Kementerian Dalam Negeri.

11.45 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri,

menyampaikan salam kepada Tuan Yang di-Pertua, dan semua Ahli Yang Berhormat Senator.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 bagi Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator sekalian bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menerima peruntukan sejumlah RM16.8 bilion pada tahun 2021. Bagi perbelanjaan mengurus adalah sejumlah RM13.69 bilion. Tanggungan untuk Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) adalah sejumlah RM1.88 juta dan bagi pembangunan iaitu DE adalah sejumlah RM3.16 bilion.

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, dan juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin bertanya mengenai status dan cadangan menaik taraf balai-balai polis serta pos kawalan di seluruh negara.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, memang menjadi tanggungjawab KDN untuk sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa bagi menaik taraf sesuatu fasiliti di bawah PDRM, termasuk juga balai polis dan juga pondok polis bagi menjamin keselesaan dan keselamatan rakyat. Oleh sebab itulah, KDN telah memberikan keutamaan kepada kerja-kerja menaik taraf dan juga pembaikan bagi mana-mana balai polis dan pondok polis serta fasiliti yang lain yang uzur dan juga dianggap mendesak.

Mengenai projek-projek pembangunan, banyak yang telah diutarakan. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, sila.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Puan Asmak binti Husin: Penjelasan. Sebenarnya soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, agak spesifik iaitu pos keselamatan di sempadan. Contohnya ketika musim banjir ini pun ditenggelami oleh banjir tetapi di utara, saya nampak ada peruntukan. Cuma di sebelah Kelantan tidak ada peruntukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat laju sangat. Saya memang ada jawapannya. Belum sampai ke...

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: ...Jawapan saya sudah bertanya. Tidak apa, terima kasih banyak. Itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat sangat prihatin dalam keadaan kawasan terutama mengenai pos kawalan. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, 20 buah pos kawalan sempadan di Kelantan, kerajaan telah memberikan

peruntukan sebanyak RM9.8 juta. Jadi, tahniah Yang Berhormat dan saya ucapkan tahniah kerana telah mengutarakan masalah ini untuk kepentingan kita bersama.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain, sebanyak 18 buah pejabat trafik Negeri Sembilan dan Melaka telah diberikan peruntukan sejumlah RM930 ribu. Manakala untuk balai-balai polis dan juga balai di seluruh negara ini, sebanyak 858 buah balai polis yang kita akan baik pulih yang melibatkan sejumlah RM16.85 juta Tuan Yang di-Pertua. Bagi projek PRE, sebanyak RM50.17 juta untuk pembaikan kecil dan penyelenggaraan bangunan dan fasiliti PDRM bagi tahun 2020. Ini khusus bagi pembinaan Balai Polis Matang Jaya. Kerajaan telah memberikan peruntukan sebanyak RM24 juta. Jadi, tahniah kepada Yang Berhormat yang berada di bawah pentadbiran Balai Polis Matang Jaya.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong telah bertanyakan mengenai inisiatif kementerian untuk mengurangkan kesesakan penjara-penjara di seluruh Malaysia terutamanya Penjara Kepyayan, Sabah yang mengakibatkan penularan wabak pandemik COVID-19.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 18 Disember 2020 menunjukkan jumlah banduan di Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah adalah seramai 2,433 orang. Jumlah ini telah melebihi kapasiti sebenar iaitu 1,500 orang. Jadi, ada lebih 933 orang banduan.

■1150

Jadi, kita ada beberapa tindakan yang kita ambil untuk mengurangkan kesesakan dan juga menghalang penularan COVID-19 ini. Jadi, yang pertama Tuan Yang di-Pertua kita akan meminta untuk peruntukan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi menambah satu buah blok bangunan yang baharu bagi banduan di Penjara Pusat Kota Kinabalu. Keduanya, pemindahan banduan dari Penjara Pusat Kota Kinabalu ke penjara-penjara lain di Sabah dan juga di Sarawak yang tidak sesak.

Bagi penjara-penjara di seluruh negara pula, kita macam biasa saya jawab sudah di bawah pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Pusat Pemulihan Pemasarakatan. Termasuk juga kita akan mengadakan pindaan kepada Akta Kehadiran Wajib 1954 bagi memperkasakan lagi pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib yang turut membolehkan pesalah yang dihukum di bawah hukuman setahun ke bawah boleh dipertimbangkan untuk program ini Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Jabatan Penjara juga telah melaksanakan Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL) iaitu berasaskan pindaan kepada Peraturan-peraturan Penjara 2000, di mana banduan boleh diberikan latihan daripada segi kemahiran berkaitan dengan sektor perkilangan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan juga pertanian. Ini menunjukkan bahawa bagaimana kerajaan prihatin kepada nasib banduan di dalam negara kita. Begitu juga kita akan menggunakan bekas-bekas pusat latihan khidmat negara bagi kita menjadikan

sebuah penjara satelit dan juga bagi Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) yang menempatkan banduan iaitu orang yang diselia.

Seterusnya bagi meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan di institut penjara bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ini ke penjara. Macam kita merafakkan sembah ke bawah Seri Paduka Raja Permaisuri Agong yang memberi fokus utama kepada banduan-banduan supaya perusahaan tenun ini dapat dilakukan dan dilatih oleh banduan dan banduanlah yang dapat membuat kain-kain tenun ini yang ada di pasaran iaitu Kain Tenun Diraja Pahang. Ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua juga sangat dekat di hati Tuan Yang di-Pertua mengenai projek Kain Tenun Pahang ini...

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga kita bekerjasama dengan pihak mahkamah dan juga JIM bagi kalau ada kes yang boleh kita mempercepatkan mereka ini dihantar pulang ke negara asal. Begitu juga kita ada membincangkan bagaimana kita hendak mewujudkan Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan). Di mana mereka ini tidak lagi dihantar ke penjara tetapi kita akan hantar ke pusat-pusat pemulihan.

Kita berdoalah supaya kerajaan kita ini terus menjadi kerajaan yang prihatin dan tidak ada mana-mana pihak yang cuba hendak menjatuhkan kerajaan kerana kerajaan ini hendak menjadikan satu rang undang-undang yang baharu bagi menyejahterakan rakyat tidak kira itu penagih dadah atau tidak kira siapa sahaja kita hendak sejahterakan, kita hendak pulihkan mereka ini.

Seterusnya bagi program-program yang lain seperti juga boleh kita laksanakan seperti tahanan rumah, perintah koreksional dan perintah pengawasan penjara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KDN sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM dan kita juga ada SOP sendiri di dalam penjara di mana saya sudah sebut dalam jawapan saya semalam. Kita ada dua SOP iaitu SOP Semasa Penerimaan Banduan dan juga semasa kita mengiring banduan ini ke tempat-tempat yang perlu hantar.

Untuk pengetahuan juga kalau banduan ini sampai ke penjara, kita ada lima hari kita letakkan di pusat transit. Selepas lima hari, kita letakkan pula sembilan hari di pusat mentor atau pusat penjara sementara. Selepas 14 hari barulah kita letak bersama dengan banduan-banduan yang lain supaya COVID-19 ini tidak menular lagi di kalangan penjara dan juga di kalangan pegawai dan anggota penjara. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebagai- merakamkan penghargaan di bawah Kokus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara yang membawa isu banduan dan penjara baru-baru ini

harus menyampaikan terima kasih kepada kementerian atas pemerhatian dan juga tindakan bakal diambil terhadap banduan dan juga penjara yang akan meningkatkan lagi kedudukan kehidupan mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Saya juga mengambil ucapan terima kasih kepada pihak Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Kedua-dua Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini sangat mengambil berat terhadap nasib dan juga kebajikan banduan-banduan di dalam negara kita sehinggalah kita diberi pelawa bukan terpaksa, diberi pelawa untuk memberikan penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan KDN mengucapkan ribuan terima kasih.

Sekali lagi Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang juga bertanya mengenai penularan COVID-19 di Jabatan Imigresen. Apakah SOP yang perlu kita adakan? Sebagaimana yang saya sebut mengenai SOP di penjara, kita menggunakan SOP yang sama tetapi kita meningkatkan di bawah JIM ini untuk kita bekerjasama dengan kedutaan dan juga syarikat pengangkutan bagi membolehkan mana-mana parti yang boleh kita hantar pulang, kita hantar pulang segera bagi memastikan depot kita tidak sesak.

Keduanya kita seperti mana yang saya sebut kem-kem PLKN juga dijadikan sebagai depot tahanan imigresen sementara dan juga kita berbincang dengan pihak penjara dan juga pihak-pihak yang lain bagi membincangkan bagaimana untuk kita mengurangkan kesesakan.

Seterusnya kita baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah melancarkan Pelan Rekalibrasi PATI di dalam negara kita bermula 16 November 2020 sehingga 30 Jun 2021 dan saya percaya empat sektor ini iaitu pembinaan, perkilangan, perladangan dan pertanian ini dapat kita kurangkan supaya melalui program yang utama iaitu Program Rekalibrasi Pulang ke negara asal dapat kita laksanakan.

Tentang JIM juga telah mengambil tindakan yang serupa dengan penjara, iaitu untuk menambah baik bagi mengawal penularan COVID-19 di Depot Tahanan Imigresen di mana ujian saringan COVID-19 wajib dibuat kepada semua yang ingin masuk ke dalam depot iaitu setiap kemasukan tahanan baharu perlu disertakan dengan keputusan saringan COVID-19 berstatus negatif yang masih sah laku dalam tempoh 14 hari dari tarikh saringan tersebut.

Kedua, kemasukan tahanan baharu akan diasingkan dari sel dan blok tahanan sedia ada selama 14 hari sebelum ditempatkan bersama tahanan yang lain.

Ketiga, kita bersama dengan KKM- saya ucap terima kasih kepada KKM kerana menempatkan pegawai perubatan atau penolong pegawai perubatan di setiap depot tahanan imigresen bagi memberi rawatan awal kepada tahanan yang bergejala, diasingkan dan segera ke hospital atau klinik yang berdekatan jika ada bergejala.

Keempat, pelaksanaan sanitasi blok tahanan dan fasiliti umum di depot tahanan imigresen secara berkala.

Sementara Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose telah bertanya mengenai pelaksanaan Pelan Tindakan Holistik Membanteras PATI di Malaysia terutama di Sabah. Kita ada lima bentuk pelan holistik kita, lima tahun. Ini pun saya jawab banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua.

Untuk langkah-langkah yang lain, kerajaan bagi menangani isu PATI di Sabah termasuklah dengan menggiatkan tindakan penguatkuasaan dan juga pengusiran PATI di Sabah melalui operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan jabatan-jabatan yang lain. Sebagaimana yang kita maklum, kita ada Operasi Benteng Bersepadu yang dijalankan sepanjang PKP untuk menyekat kemasukan PATI dan aktiviti penyeludupan.

Dari Mei hingga 20 Disember 2020, tangkapan PATI melalui Ops Benteng merekodkan seramai 9,978 orang dari pelbagai warganegara. Jabatan Imigresen Malaysia di negeri Sabah turut melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Bersasar dalam menangani isu PATI di negeri itu dari 1 Januari 2020 sehingga Disember 2020. Sebanyak 785 operasi telah dilaksanakan melibatkan tangkapan seramai 1,840 orang PATI serta 24 orang majikan atas pelbagai kesalahan imigresen.

■1200

Jadi banyak tentang JIM ini saya bagi jawapan bertulis. Yang saya sempat ini iaitu satu lagi isu tentang pendaftaran ini menggunakan MyKad. Kebanyakan ketika berurusan urus niaga dengan mana-mana pihak, kita beri jaminan bahawa MyKad ini satu perkhidmatan yang terbaik untuk keperluan rakyat.

Saya percaya bahawa salinan MyKad ini adalah bertujuan untuk urus niaga dan juga *exhibit* di dalam mahkamah jika berlaku apa-apa pertikaian. Jadi mana yang tidak sempat saya jawab, saya bagi jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan juga warga KDN mengucapkan ribuan terima kasih dan kita percaya bahawa Belanjawan 2021 dengan tema, 'Teguh Kita, Menang Bersama' dapat kita terjemahkan pada tahun 2021 dengan syarat jangan ada ganggu gugat untuk pihak kerajaan. Terima kasih. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said mewakili Yang Berhormat Menteri bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Beralih kepada Kementerian Belia dan Sukan. Oleh sebab tiada apa-apa *query* dan soalan dibangkitkan, maka kita langkai kementerian itu. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]: Selamat pagi, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.102 bilion kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Jumlah ini merangkumi peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1.064 bilion dan Peruntukan Pembangunan sejumlah RM1.038 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemuliharaan hutan paya bakau. KeTSA telah menerima satu sahaja isu di sepanjang perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Negara ini berkaitan dengan pemuliharaan hutan paya bakau.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah perbelanjaan tahun 2021, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan secara keseluruhannya di bawah program penanaman pokok bakau dan spesies lainnya diletakkan di bawah peruntukan perbelanjaan pembangunan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan yang memohon kementerian supaya memperkasakan program penanaman pokok bakau serta spesies pokok lain bagi menangani isu hakisan persisiran pantai yang berulang supaya flora dan fauna di Tanjung Piai dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli telah melaksanakan program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara sejak tahun 2005 selepas tragedi tsunami melanda negara. Program ini merupakan satu program nasional yang dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negara dengan penglibatan, penyertaan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan, universiti dan masyarakat setempat. Antara objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- (i) memelihara persisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;
- (ii) mewujudkan zon penampan bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;
- (iii) memulihkan habitat persisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaian biologi serta memperkayakan sumber hasil pantai; dan
- (iv) meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancongan.

Sejak pelaksanaan program ini, peruntukan kewangan berjumlah RM5...

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan penanaman pokok bakau dan juga pokok-pokok yang lain di kawasan rangsa ataupun kawasan lembap. Saya menarik perhatian Yang Berhormat menjelaskan tentang penampan yang dibina. Kita sedia maklum bahawa pokok bakau untuk tumbuh...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan penjelasan itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Ya. Penjelasan tentang apa bentuk penampan yang dibuat oleh kementerian bagi memastikan anak bakau itu boleh tumbuh dan ada di situ? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya akan memberi penjelasan dalam penerangan saya yang selanjutnya. *I will come to that point.*

Sejak pelaksanaan program ini, peruntukan kewangan berjumlah RM58.37 juta telah dibelanjakan di bawah tiga tempoh Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan Rancangan Malaysia Kesebelas. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas yang bermula pada tahun 2021, program ini telah menerima peruntukan siling berjumlah RM13 juta. Dari tahun 2005 hingga tahun 2020, kawasan seluas 2,982 hektar telah ditanam dengan 6.87 juta batang pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu Tanjung Piai, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melaksanakan pelbagai usaha memulihkan kawasan Tanjung Piai daripada ancaman hakisan pantai. Antara usaha yang telah dilaksanakan melalui pemasangan struktur pemecah ombak iaitu *geotube*, dan penanaman pokok bakau secara inovatif menggunakan teknik *comp-pillow*.

Walau bagaimanapun, semua usaha ini tidak memadai kerana faktor utama hakisan pantai di Tanjung Piai adalah disebabkan oleh kesibukan Tanjung Piai yang melibatkan Selat Tebrau yang merupakan laluan utama kepada kapal-kapal ke Pelabuhan Tanjung Pelepas. Perjalanan kapal-kapal besar menghasilkan ombak besar yang menjejaskan persisiran pantai di kawasan Tanjung Piai di samping faktor-faktor luaran yang lain.

Kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mendapati Taman Negara Tanjung Piai Johor menghadapi masalah mendapan bahan organik yang dikenali sebagai tanah sesai. Tanah sesai yang mempunyai sifat fizikal seperti habuk kayu dipercayai berasal daripada bahan yang digunakan untuk membersihkan kapal. Tanah sesai ini dihanyutkan oleh

ombak sehingga sampai ke dirian pokok di pantai berlumpur dan telah menutupi sebahagian akar pokok dan dipercayai menyebabkan pokok sukar bernafas serta memudaratkan pokok tersebut. Oleh yang demikian, keadaan ini telah menghalang pertumbuhan pokok bakau di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha lain dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk menangani isu hakisan persisiran pantai di Tanjung Piai iaitu:

- (i) menjalankan penguatkuasaan di persisiran pantai Tanjung Piai bagi menyelamatkan flora dan fauna di kawasan Taman Negara Johor, Tanjung Piai yang merupakan tapak RAMSAR;
- (ii) menguatkuasakan kawasan larangan bersauh di batas Pelabuhan Kukup- *port limits* yang berhampiran dengan Tanjung Piai dan Pulau Kukup oleh Jabatan Laut Malaysia; dan
- (iii) mengenal pasti kawasan perairan laut Pulau Kukup hingga ke Tanjung Piai untuk diwartakan sebagai Wilayah Laut Sensitif, *Particularly Sensitive Sea Area* (PSSA), di bawah Pertubuhan Marin Antarabangsa.

Kawasan PSSA ini merupakan kawasan yang dikenal pasti mempunyai kepentingan biologi, ekosistem, ekologi dan sosioekonomi atau sebab-sebab saintifik lain yang memerlukan perlindungan khas akibat mudah terdedah kepada kesan aktiviti maritim.

■1210

Usaha-usaha untuk mencegah hakisan pantai melalui kerjasama pelbagai pihak masih perlu dilaksanakan sejak berterusan. Ini bagi memastikan ekosistem dan kelestarian serta ketahanan ekonomi di Tanjung Piai dipulihara. Dalam hubungan itu, kerajaan akan terus melaksanakan program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang bersesuaian di persisiran pantai negara bagi memulihara kawasan paya bakau serta spesies pokok lain di seluruh negara, termasuk di Tanjung Piai, Johor di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Usaha ini akan berterusan dan kita akan mengkaji lebih mendalam pokok-pokok yang sesuai ditanam di kawasan tersebut. Masih berterusan usaha ini.

Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di bawah kementerian saya. Saya berharap daripada penjelasan tersebut telah mendapat menjawab soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi ada persoalan untuk penjelasan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut akan beri penjelasan selepas Yang Berhormat selesai. Sekarang saya benarkan untuk menjawab *query* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator kita.

Tuan Ali anak Biju: *Queries* yang ditujukan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, soal penjelasan tadi. Masih ingat ya?

Tuan Ali anak Biju: Penjelasan mengenai cara-cara penanaman pokok, *is it?*

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Yang Berhormat, penanaman yang dimaksudkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, kena minta dulu persoalannya.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Persoalan saya, mohon penjelasan apa maksud penanaman yang disebut oleh Yang Berhormat? Ini kerana setahu saya kawasan laut ini terlalu luas dan melibatkan belanjawan yang begitu besar. Tentang geotub yang Yang Berhormat menyatakan, saya rasa kementerian sudah lama tidak pergi ke Tanjong Piai. *Geotube* itu sudah tidak ada sudah, Yang Berhormat.

Tuan Ali anak Biju: Seperti yang saya katakan tadi. Usaha ini akan diteruskan, *geotube* ini akan kita tambah baik secara inovatif, secara berterusan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sebut...

Tuan Ali anak Biju: Kita menggunakan sistem teknik *compiler* juga. *Compiler*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti Yang Berhormat. Apabila saya beri petua, kita dengar dulu. Jadi, sekiranya tidak pernah lagi ada benda itu, jawab sahaja akan disiasat. Lagi mudah [*Ketawa*] Sila, sila.

Tuan Ali anak Biju: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Sebenarnya itulah yang jawapannya sebab ini masih berterusan. Siasatan masih dijalankan dan secara dari semasa ke semasa kita akan *update* Dewan yang mulia ini. Jadi untuk itu, saya rasa saya tidak ada isu lain dikemukakan kepada KeTSA. Saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu berkenaan dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Ali anak Biju dan bagi pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Kementerian Luar Negeri dipersilakan.

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ke atas perbahasan Belanjawan 2020 dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. Terlebih dahulu, mewakili Kementerian Luar Negeri, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, khususnya Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong kerana turut prihatin terhadap isu-isu yang menyentuh peranan Kementerian Luar Negeri.

Pertamanya, izinkan saya menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah berkenaan dengan isu Palestin dan juga pendirian Malaysia ke atas normalisasi hubungan antara beberapa buah negara Islam dengan Israel akhir-akhir ini.

Di sini, ingin saya menegaskan tiga perkara sebagai penjelasan kepada isu yang dibangkitkan itu. Pertamanya, kita perlu akur kepada keputusan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara merupakan hak mutlak sesebuah negara tersebut yang berdaulat.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar berkecuali dan tidak campur tangan dalam urusan domestik negara lain. Malah, berlandaskan prinsip ini juga, hubungan baik sedia ada antara Malaysia dengan negara-negara lain yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel adalah tidak terjejas. Kedua, perkembangan yang berlaku ini tidak akan menggugat pendirian teguh dan berprinsip Kerajaan Malaysia yang senantiasa menyokong pembentukan sebuah negara Palestin yang berdaulat melalui penyelesaian dua buah negara- *two-states solution*, dengan izin, berdasarkan garis sempadan 1967 dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Palestin.

Ketiga, dalam konteks usaha yang diambil oleh Malaysia dalam membela nasib rakyat Palestin. Kerajaan Malaysia sememangnya amat konsisten dalam pendekatannya apabila berhadapan dengan isu-isu Palestin. Sejak dahulu lagi, Kerajaan Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya sama ada daripada segi politik, ekonomi dan moral.

Justeru, ingin saya tekankan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pendirian tegas Malaysia dalam isu Palestin ini tidak akan berubah demi mencapai penyelesaian yang adil dan berkekal. Khususnya menerusi rundingan melibatkan pihak-pihak yang berkaitan, berdasarkan kepada undang-undang antarabangsa serta resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang relevan. Yang Berhormat Mulia Senator juga ada menyatakan bahawa Malaysia begitu lama sunyi dan sepi tentang pendirian kita terhadap negara Israel. Ini sebenarnya sama sekali tidak tepat kerana Malaysia sentiasa mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengutuk kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin serta menyokong perjuangan Palestin.

Ini termasuklah dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Contohnya, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui kenyataan media Istana Negara bertarikh 14 Jun 2020 telah menzahirkan rasa sangat prihatin dan sokongan Baginda terhadap rakyat Palestin yang terus dijajah dan ditindas oleh rejim Israel. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk mendoakan agar rakyat Palestin dilindungi serta menitahkan agar masjid-masjid dan surau-surau untuk mengadakan solat sunat hajat dan doa selamat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga lantang menyuarakan isu Palestin di persidangan antarabangsa seperti di Perhimpunan Agung PBB dan Sidang Kemuncak ASEAN. Semasa Perhimpunan Agung PBB Ke-75 pada 26 September 2020 serta Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan sidang-sidang kemuncak yang berkaitan pada 12 November 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggesa agar masyarakat antarabangsa dan pertubuhan antarabangsa berkaitan untuk membincangkan langkah-langkah konkrit untuk dilaksanakan bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin yang ditindas oleh Israel, selain mengulangi pendirian teguh Malaysia mengenai isu Palestin.

Selain daripada itu, bagi menzahirkan lagi kesatuan pendirian Malaysia berhubung perjuangan dan penderitaan rakyat Palestin, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kedutaan Besar Palestin di Kuala Lumpur telah menganjurkan kempen yang dinamakan, dengan izin, *Unite for Palestine* yang telah diadakan di Parlimen Malaysia ini daripada 27 Julai hingga 6 Ogos 2020. Kempen tersebut telah mendapat sokongan, dengan izin, *bipartisan* daripada Ahli-ahli Parlimen Malaysia, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Yang Berhormat Senator juga turut menyentuh mengenai kemasukan delegasi Israel ke Malaysia pada tahun 2018. Saya percaya perkara ini adalah berkaitan dengan penganjuran, dengan izin, *The Ninth World Urban Forum (WUF9)* pada Februari tahun tersebut. Isu WUF9 ini sebenarnya telah dijelaskan oleh kementerian ini menerusi satu kenyataan media bertarikh 15 Februari 2018 lagi.

■1220

Seperti sedia maklum, Malaysia dan UN-Habitat telah menandatangani perjanjian negara tuan rumah, dengan izin, *Host Country Agreement* pada tahun 2017 yang merupakan satu syarat bagi mana-mana persidangan PBB yang dianjurkan di luar lokasi Ibu Pejabat PBB. Artikel 3 perjanjian tersebut menyatakan bahawa penyertaan ke forum berkenaan adalah terbuka kepada semua anggota negara PBB serta agensi-agensi khusus yang berkenaan.

Dalam hal ini, penyertaan delegasi Israel adalah berdasarkan jemputan yang dikeluarkan oleh PBB melalui agensinya dan bukan oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan seterusnya adalah daripada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong berkenaan dengan isu pembukaan sempadan Malaysia dan Brunei khususnya bagi membantu pergerakan keluar masuk pelancong dan rakyat kedua-dua negara di utara Sarawak.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana mengambil berat isu yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan seperti juga semua 107 orang perwakilan Malaysia, yang lain di seluruh dunia sudah tentu sentiasa prihatin terhadap kebajikan warganegara Malaysia di perantauan dan terbuka dalam menghulurkan bantuan-bantuan kaunselor yang sewajarnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu pembukaan dan penutupan sempadan negara semasa tempoh kawalan negara dalam mengekang penularan COVID-19 di Malaysia bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri. Dalam masa yang sama, Kerajaan Malaysia juga tidak boleh memaksa negara-negara lain untuk membuka atau menutup sempadan negara mereka.

Sehingga kini, Kerajaan Brunei Darussalam masih belum membuka sempadan negara tersebut secara rasmi. Walau bagaimanapun, kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Brunei mempertimbangkan kebenaran bagi perjalanan perlu atau, dengan izin, *essential travel* seperti urusan rasmi kerajaan dan hal ehwal perniagaan.

Selain itu, Kerajaan Brunei juga membenarkan perjalanan rentas sempadan darat bagi rakyat Malaysia di Sarawak yang melintas Brunei bagi tujuan persekolahan dan pekerjaan harian serta urusan kecemasan. Namun, kebenaran ini adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Brunei atas dasar, dengan izin, *case-by-case basis*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri bercadang untuk mengadakan rundingan bagi mewujudkan Aturan Timbal Balas atau, dengan izin, *Reciprocal Green Lane* (RGL) dengan Brunei Darussalam yang akan turut menyumbang ke arah pemulihan dan penjanaan ekonomi negara. Aturan ini di antara lain akan memudahkan urusan perjalanan ahli perniagaan kedua-dua negara ke Malaysia dan Brunei Darussalam bagi urusan perniagaan jangka masa pendek.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri penggulungan saya pada hari ini, sukacita juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang telah mengiktiraf usaha-usaha Kementerian Luar Negeri dalam keputusan Kerajaan India untuk mengurangkan duti import minyak sawit mentah sebanyak 10 peratus baru-baru ini.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, kementerian ini akan terus memainkan peranannya untuk membantu kementerian-kementerian berkaitan memperkukuhkan lagi industri sawit negara. Semoga keputusan Kerajaan India ini akan menambah jumlah eksport minyak sawit Malaysia ke negara tersebut dan sekali gus turut membantu meningkatkan lagi pendapatan lebih 500 ribu orang pekebun kecil kita di sektor minyak kelapa sawit negara.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu berkaitan Kementerian Luar Negeri yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan baru-baru ini.

Sekali lagi, bagi pihak seluruh warga kementerian, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tulus ikhlas, buat semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua kerana telah terus memberikan sokongan penuh kepada kami di kementerian ini dalam tugas kami untuk menjaga kebajikan negara,

dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam. Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar selaku Timbalan Menteri di Kementerian Luar Negeri.

Seterusnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

12.25 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Dewan Negara bagi Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas serta membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin dan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan vaksin COVID-19.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana pembentangan bajet baru-baru ini, peruntukan berjumlah RM3 bilion telah diberikan untuk tujuan pembelian vaksin COVID-19. Ini menunjukkan kerajaan begitu komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di dalam membendung pandemik COVID-19.

Berdasarkan sidang khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, beliau telah mengumumkan perkembangan semasa berkaitan pembekalan vaksin COVID-19 untuk Malaysia. Malaysia telah menandatangani perjanjian bersama COVAX, *Pfizer* dan *AstraZeneca* serta akan memuktamadkan tiga lagi perjanjian bersama dengan *Sinovac*, *CanSino* dan *Gamaleya*.

Setakat ini, kesemua perjanjian ini melibatkan kos sebanyak RM2.05 bilion. Jumlah ini masih lagi lebih rendah daripada bajet yang telah diperuntukkan sebanyak RM3 bilion bagi tujuan pembelian vaksin-vaksin ini. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan serta dianggotai oleh pelbagai kementerian dan jabatan, berperanan sebagai jawatankuasa induk bagi merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi perbekalan vaksin COVID-19.

Rundingan secara bilateral dan multilateral serta pelaksanaan secara kerajaan ke kerajaan (G2G) dan kerajaan kepada perniagaan (G2B) dibincangkan di dalam jawatankuasa

khas ini. Semua aspek rundingan dengan negara atau pengeluar vaksin tersebut akan dinilai daripada segi teknikal dan komersial. Kementerian Kesihatan Malaysia akan berunding dengan pihak pengeluar vaksin dari sudut teknikal seperti kontraindikasi, populasi sasaran, keselamatan, keberkesanan dos, ketahanan kaedah, kestabilan, pendaftaran dan akses.

Manakala MOSTI, akan berunding dari sudut komersial iaitu harga, *refundability*, *value added to the country*, *delivery schedule*, *down payment*, dan aspek logistik bagi memastikan *value for money*, dengan izin, kepada rakyat. Ini adalah bagi memastikan perbelanjaan peruntukan sebanyak RM3 bilion ini dapat dioptimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 telah bersetuju bahawa kadar minimum liputan imunisasi di dalam Malaysia sebanyak 70 peratus daripada populasi penduduk Malaysia. Malaysia sedang dan akan memuktamadkan segera dengan beberapa- pengeluar vaksin yang lain bagi mendapatkan liputan 70 peratus tersebut. Setakat ini, kesemua perjanjian vaksin memberikan Malaysia akses vaksin COVID-19 bagi 83 peratus populasi negara atau 26.5 juta orang.

Ini bermakna, kerajaan telah melebihi kadar minimum liputan imunisasi yang telah ditetapkan selaras dengan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 November 2020, yang lalu akan memberikan vaksin secara percuma kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai memenuhi status Dewan Negara, mungkin wajar disebutkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mengadakan ujian terus supaya semua vaksin ini bebas daripada prasangka.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Ya, bagi kesemua vaksin yang telah dibuat pembelian, ia masih tertakluk kepada kelulusan *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) iaitu badan kawal selia bagi ubat-ubatan di Malaysia yang terletak di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan semua vaksin ini adalah selamat untuk dipakai oleh rakyat Malaysia.

■1230

Dato' Kesavadas Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan? Sila.

Dato' Kesavadas A. Achyunthan Nair: Ya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata 70 peratus daripada rakyat akan disuntik. Bolehkah Timbalan Menteri bagi kategori 70 peratus itu? Adakah orang dewasa kah, muda kah, macam mana? Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Setakat ini apa yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin bahawa 70 peratus populasi ini tidak termasuk mereka yang berumur bawah daripada 18 tahun, tidak termasuk mereka yang

mempunyai alahan yang serius dan tidak termasuk golongan yang berisiko untuk menggunakan vaksin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bekalan vaksin ini dijangka mula diperolehi pada suku pertama 2021 dengan wajaran untuk 20 peratus populasi negara di mana tiga peratus daripadanya diberikan kepada para petugas barisan hadapan yang meliputi sektor kesihatan dan keselamatan seperti doktor, jururawat, polis, petugas penjara dan imigresen.

Laporan interim bagi vaksin COVID-19 fasa ketiga ujian klinikal pada masa ini menunjukkan keberkesanan bagi dua dos vaksin. Satu Pelan Imunisasi Kebangsaan mengenai vaksin COVID-19 akan dimuktamadkan. Ia mengandungi strategi terperinci kerajaan dalam pemberian vaksin. Untuk bekalan vaksin *Pfizer*, kos pengangkutan diambil kira sehingga sampai ke pusat inokulasi.

Jawatankuasa ini juga telah mengenal pasti *thermal ultra freeze*, dengan izin, di seluruh negara bagi menampung keperluan penyimpanan bekalan vaksin yang akan sampai mulai suku pertama tahun hadapan iaitu antara bulan Februari hingga Mac 2021. Kaedah penghantaran sedang dibangunkan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat JKJAB untuk mengesyorkan kaedah yang paling sesuai untuk bekalan bersama...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Terpujang kepada Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Ya, sila.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya adakah vaksin yang akan dihantar ke negara kita suku pertama tahun 2021 ini telah diuji oleh rakyat Malaysia ataupun negara lain, dan peratus keberkesanan vaksin tersebut.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Saya boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa kesemua vaksin yang telah diumumkan telah pun mengalami ujian klinikal fasa tiga yang melibatkan populasi di pelbagai negara. Sebahagiannya melibatkan antara 20 ribu. Misalnya bagi vaksin *Pfizer*, ia melibatkan ujian terhadap populasi seramai 43,300 orang lebih kesemua sekali dan kadar keberkesanan yang dilaporkan adalah antara 90 hingga 95 peratus. Misalnya *Pfizer* melaporkan kadar *efficacy* sebanyak 95 peratus...

Datuk Razali bin Idris: Rakyat Malaysia ada tidak lagi?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Rakyat Malaysia belum. Belum ada rakyat Malaysia yang disuntik dengan vaksin ini.

Puan Asmak binti Husin: Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Susulan daripada soalan daripada Yang Berhormat Datuk Razali tadi. Populasi itu ada tidak melibatkan orang

ASEAN sebab daripada segi perawakan itu ada lebih kurang dengan orang Malaysia. Kalau orang Malaysia itu mungkin tidak lah. Akan tetapi orang ASEAN. Yang kedua, tadi kata keberkesanan 95 peratus. Jadi bagaimana dengan kekusaran rakyat sebab keberkesanan itu tidak sampai 100 peratus. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Mana-mana ujian klinikal terhadap vaksin apabila mencapai 95 peratus biasanya dianggap sebagai berkesan dan boleh meliputi kebanyakan daripada *strain* vaksin yang berkenaan. Itu sahaja yang saya boleh maklumkan.

Untuk pengetahuan, setakat ini antara negara ASEAN yang setelah dari Malaysia yang telah mengumumkan pembelian vaksin *Pfizer* disusuli kemudian oleh negara Singapura. Negara Singapura adalah juga membeli vaksin *Pfizer* yang telah dilaporkan telah pun menerimanya.

Sekian sahaja maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MOSTI yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan RUU Perbekalan 2021 di Dewan Negara bagi Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh bidang kuasa MOSTI. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Timbalan Menteri di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Seterusnya, Kementerian Perpaduan Negara.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam perpaduan. Terlebih dahulu Kementerian Perpaduan Negara ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara.

Dalam Belanjawan 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah diperuntukkan sebanyak RM423,287,500. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM320,337,400 adalah untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM102,950,100 untuk perbelanjaan pembangunan yakni pengurangan sebanyak RM17,533,600 ataupun 3.9 peratus berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2020.

Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan program-program yang dirancang pada tahun 2021 dengan mengguna pakai peruntukan yang telah diluluskan, dengan izin, *we will make do*. Ini termasuk pelaksanaan dasar dan program berimpak tinggi

seperti Dasar Perpaduan Negara, *Blueprint*, dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara serta penjenamaan kawasan rukun tetangga, tabika dan taska perpaduan.

KPN juga akan melaksanakan program perpaduan secara perkongsian pintar dengan pelbagai kementerian, agensi awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan modal insan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang telah menyentuh tentang persoalan berikut:

- (i) prestasi belanjawan MITRA;
- (ii) isu perobohan rumah ibadat bukan Islam; dan
- (iii) pewujudan jabatan khas untuk bukan Islam yang boleh dianggotai oleh pihak PBT dan juga NGO.

Bagi prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan MITRA. Ingin saya jelaskan bahawa pada tahun 2020, MITRA telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM100 juta daripada kerajaan dan telah pun membelanjakan sebanyak RM99,959,396. Prestasi perbelanjaan sebanyak 99.95 peratus daripada peruntukan RM100 juta yang memanfaatkan 889,135 orang penerima telah melalui pelaksanaan 299 program telah dilaksanakan di seluruh negara.

Dari Januari hingga Mac 2020, MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri telah membelanjakan peruntukan pembangunan sebanyak RM34,886,578. Baki peruntukan pembangunan MITRA yang telah dibawa ke Kementerian Perpaduan Negara adalah sebanyak RM65,113,421. Bermula 17 April hingga 4 Disember 2020, kementerian telah meluluskan sebanyak 57 program yang berjumlah RM65,072,818 dan seramai 833,420 orang daripada masyarakat India telah mendapat manfaat daripada program-program yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya persoalan kedua yang menyentuh tentang isu perobohan rumah ibadat bukan Islam oleh kerajaan tempatan. Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kedua-dua pihak telah pun bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

■1240

Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras dan memantau isu-isu berkaitan rumah ibadat bukan Islam dan akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri. Keahlian jawatankuasa ini akan melibatkan wakil-wakil dari negeri.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan sebuah jabatan khas untuk bukan Islam yang boleh dianggotai oleh PBT dan NGO, perkara ini haruslah diteliti

dengan lebih rapi lagi dari sudut perundangan sebelum cadangan tersebut boleh dibawa untuk dipertimbangkan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memuji penubuhan Unit Hal Ehwal Agama-agama Lain (UNIFOR) di Sarawak yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Ia merupakan sebuah badan untuk mempromosi kerjasama, persefahaman, toleransi ataupun tolak ansur, penerimaan sikap saling menghormati antara agama Islam dan lain-lain agama di negeri Sarawak.

Di peringkat Kerajaan Pusat, Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Antara Agama (HARMONI) telah ditubuhkan sebagai usaha untuk mempromosi kesefahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Manakala di peringkat negeri, Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam telah pun dibentuk dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun EXCO tertentu. Jawatankuasa RIBI ini antara lain bertanggungjawab untuk menimbang permohonan pembinaan baharu, menaik taraf dan pengubahsuaian rumah ibadat bukan Islam yang diterima daripada pihak berkuasa tempatan.

Seterusnya, berkaitan dengan cadangan pemberian elaun kepada paderi-paderi. Kerajaan pada masa ini, tiada perancangan untuk membayar sebarang elaun. Namun begitu, inisiatif ini boleh diambil oleh pihak pengurusan kerja masing-masing.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy telah pun menyebut tentang *red tape*, dengan izin, dan mencadangkan kerajaan memberi tumpuan khas kepada golongan yang terpinggir. Yang Berhormat juga menyarankan agar Yang Berhormat Menteri Perpaduan memberi peruntukan besar untuk program-program IR 4.0 dan latihan-latihan kemahiran.

Proses permohonan dan kelulusan geran MITRA telah dimantapkan dengan pewujudan dua peringkat jawatankuasa yakni Jawatankuasa Penilaian dan tahap kedua, Jawatankuasa Pemantauan. Dengan adanya jawatankuasa ini, proses penilaian dilaksanakan dengan lebih telus dan lebih saksama. Setiap program yang diluluskan dan dipantau dengan rapi oleh jawatankuasa tersebut.

Pada tahun 2020, MITRA telah menyalurkan sebanyak RM9,703,703.00 bagi program berteraskan IR 4.0 di seluruh negara. Manakala MITRA telah menyalurkan sejumlah RM7,825,932.00 khususnya untuk latihan kemahiran. MITRA akan terus memberi tumpuan utama kepada program berasaskan *Industrial Revolution 4.0* dan latihan kemahiran bagi tahun 2021. Peruntukan tersebut akan kita salurkan berdasarkan tiga kluster iaitu:

- (i) kluster modal insan;
- (ii) keusahawanan; dan,
- (iii) kesejahteraan sosial.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Sri Ti Lian Ker.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Kesihatan.

12.44 tgh.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021. Seramai 15 orang telah menyentuh isu-isu berkenaan dengan vaksin, makmal, *vape*, latihan siswazah, penyakit jarang jumpa, kesihatan mental dan juga isu-isu berkenaan dengan pembangunan dan naik taraf fasiliti kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin dan Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai isu vaksin.

Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Malaysia melalui KKM telah menandatangani perjanjian untuk mendapatkan bekalan vaksin sebanyak 10 peratus yakni 64 juta- dos melalui fasiliti COVAX. Seterusnya menandatangani perjanjian awal dengan Syarikat Pfizer bagi mendapatkan 20 peratus bekalan vaksin, 12.8 juta- dos.

Selanjutnya, KKM turut menandatangani perjanjian bersama Syarikat AstraZeneca bagi perolehan 10 peratus ataupun 64 juta- dos bagi bekalan vaksin dan menjadikan jumlah keseluruhan vaksin yang telah dimuktamadkan setakat ini sebanyak 40 peratus. Pada masa ini, KKM juga sedang dalam rundingan akhir dengan tiga lagi pembekal vaksin dan dijangka akan memperoleh sebanyak 40 peratus bekalan vaksin untuk keperluan lebih 80 peratus daripada jumlah populasi rakyat Malaysia.

Memandangkan Kerajaan Malaysia terikat dengan peraturan *non-disclosure agreement*, dengan izin, dengan semua pembekal tersebut, harga sebenar yang telah dan akan dimuktamadkan tidak dapat didedahkan pada masa ini.

Berhubung pelan pengedaran vaksin termasuk kos pengangkutan, ia akan dirancang dengan secara teliti dan disesuaikan dengan jenis vaksin yang akan diperoleh. Contohnya, vaksin keluaran *Pfizer* yang memerlukan tempat penyimpanan di bawah suhu *ultra-low temperature*, negatif 70 darjah Celsius, dengan izin, semestinya mempunyai perancangan yang berbeza berbanding vaksin yang hanya memerlukan suhu penyimpanan dua hingga lapan darjah Celsius. Memandangkan bekalan vaksin yang akan diterima secara berperingkat, maka saiz penyimpanan dan kuantiti *ultra-low temperature freezer*, dengan izin, akan disediakan bersesuaian mengikut lokasi pusat penyimpanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai kebimbangan yang dizahirkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin berhubung pendatang asing tanpa izin (PATI) yang terdapat di dalam negara dan berkemungkinan menjadi pembawa kepada wabak COVID-19. Sehingga 21 Disember, KKM telah menyaring seramai 195,983 orang bukan warganegara termasuklah PATI. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36,686 kes iaitu 19.74 peratus telah dikesan positif COVID-19 dan sebanyak 155,089 orang individu pula didapati negatif.

Bagi menangani isu peningkatan kes COVID-19 dalam lapangan bukan warganegara, KKM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan juga dengan PDRM bagi memperluaskan saringan kepada kumpulan sasar ini. Antaranya seperti mempergiatkan saringan di kilang dan juga di tapak pembinaan.

Berkenaan isu kapasiti ujian makmal-makmal di negeri Sabah bagi menjalankan ujian COVID-19 pula, perkara ini juga telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi penggulungan peringkat Dasar di Dewan Rakyat dahulu.

Untuk makluman, makmal-makmal kesihatan di seluruh negara telah ditambah daripada 15 buah makmal pada peringkat awal kepada 63 buah makmal, makmal swasta dan universiti dengan kapasiti ujian sebanyak 59,555 ujian sehari.

KKM juga telah membangunkan dua lagi buah makmal di Sabah iaitu makmal molekular di Tawau dan makmal modular di Lahad Datu. Anggaran kapasiti harian ujian yang boleh dijalankan di makmal-makmal di negeri Sabah kira-kira 3,050 sehari.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip untuk mengenakan cukai ke atas cecair *vape* yang mengandungi nikotin. Dimaklumkan, cecair yang bernikotin tidak dikenakan cukai kerana sebarang produk yang mengandungi nikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952. Di bawah Akta Racun 1952, nikotin dikategorikan racun Kumpulan C, di mana penjualan sebarang sediaan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan sahaja. Oleh itu, penjualan cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin adalah salah di sisi undang-undang dan ia merupakan barangan terlarang.

■1250

Dakwaan bahawa pegawai KKM lambat dalam menentukan kandungan peratusan nikotin yang dibenarkan dalam cecair *vape* juga adalah tidak benar. Ini kerana tiada had selamat bagi nikotin atau sebatian lain di dalam cecair *vape* yang telah dikeluarkan oleh WHO setakat ini, dengan izin. Malah, terdapat kajian saintifik yang menunjukkan penggunaan *vape* akan memudaratkan kesihatan disebabkan kandungan nikotin tulen serta bahan-bahan lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair untuk melibatkan hospital swasta dalam pengendalian program

latihan siswazah. KKM menyambut baik cadangan tersebut. Bagi maksud tersebut, hospital swasta perlulah memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh KKM. Antaranya mempunyai jumlah pakar dan juga pegawai perubatan residen yang ditetapkan, menyediakan kemudahan asas yang diperlukan, mempunyai beban kerja dan juga *casemix*, dengan izin, yang mencukupi.

Pada masa ini, jumlah hospital latihan siswazah telah ditambah kepada 48 buah dengan kapasiti sebanyak 12,153 slot latihan siswazah yang berupaya menampung sehingga 6,000 ambilan graduan dalam setahun. Dengan pertambahan ini, sehingga 18 Disember 2020, hanya tinggal sebanyak 192 orang graduan perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan lulus tapisan SPA dan masih menunggu untuk dilantik.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit tentang latihan siswazah itu. Adakah 48 buah hospital tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, adakah semuanya kerajaan punya atau ada termasuk swasta?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Sebanyak 48 buah hospital ini hospital di bawah KKM dan juga hospital universiti. Pada ketika ini, tidak ada hospital swasta yang sudah mengambil untuk latihan siswazah. Maka, syarat-syarat ini disediakan supaya jika ada pengambilan oleh hospital swasta, maka kualiti latihan dan pengalaman yang akan diberikan kepada doktor-doktor muda yang baharu ini adalah mencukupi untuk dia menjadi seorang doktor yang selamat untuk merawat pesakit.

Saya sambung. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, bagi graduan farmasi pula, KKM telah memperkenalkan liberalisasi latihan *Provisionally Registered Pharmacist*, dengan izin, bermula dari Julai 2012. Ini bagi membolehkan graduan farmasi menjalani latihan di fasiliti selain fasiliti KKM seperti farmasi komuniti, hospital swasta dan industri farmaseutikal. Sehingga kini, Lembaga Farmasi Malaysia telah mengiktiraf sebanyak 633 fasiliti selain fasiliti KKM bagi tujuan graduan farmasi menjalani latihan siswazah.

Berhubung persediaan pakar-pakar perubatan bagi pesakit-pesakit kritikal yang lain ketika negara berdepan dengan ancaman COVID-19 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu, KKM telah menyediakan lagi 1,220 slot latihan bagi tahun 2021 untuk peruntukan yang mencukupi bagi 23 bidang latihan kepakaran pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, KKM mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol supaya pihak kerajaan menyenaraikan projek pembinaan Pusat Kanser Sarawak dan klinik kesihatan di Matang, Kuching, Sarawak di bawah RMKe-12. Pada masa yang sama, KKM juga akan terus meningkatkan kapasiti rawatan kanser di Hospital Umum Sarawak yang merupakan pusat rawatan kanser di Sarawak.

Pada masa ini, HUS mempunyai empat orang- tenaga pakar radioterapi dan onkologi serta peralatan *linear accelerator (LINAC)*, *treatment planning system*, dengan izin, *conventional simulator*, *CT simulator* dan *brachytherapy*, dengan izin. Kemudahan dan tenaga pakar sedia ada di HUS ini mampu memberi perawatan yang terbaik di negeri Sarawak. Bagi tahun 2021 pula, KKM akan menggantikan LINAC di Hospital Umum Sarawak ini dengan anggaran kos berjumlah RM18 juta.

Mengenai permohonan menaik taraf kemudahan Hospital Sibul seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew pula, kerajaan akan melaksanakan projek naik taraf Unit Rawatan Rapi Hospital Sibul pada tahun 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM10.5 juta.

Berkenaan pembinaan hospital di Penampang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, buat masa ini, kementerian dalam proses mengenal pasti tapak lokasi bagi pembinaan hospital tersebut dan seterusnya pengambilan tanah akan dibuat apabila tapak bersesuaian dikenal pasti kelak.

Mengenai pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 5, di Kampung Belubuh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, ia dalam fasa perancangan dan Jabatan Kerja Raya sedang dalam proses penyediaan *Preliminary Detailed Abstract*, dengan izin. Projek ini dijangka akan ditender pada tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari telah membangkitkan persoalan mengenai kemampuan negara untuk bersaing di peringkat global dalam mengawal COVID-19.

Untuk makluman, selain daripada pandemik COVID-19, KKM sebelum ini telah mempunyai pengalaman dalam menangani beberapa wabak lain seperti *nipah virus*, *encephalitis*, dengan izin, SARS, selesema burung, influenza H1N1 dan juga *MERS-CoV*, dengan izin. Kesemua kejadian wabak tersebut berjaya ditangani dengan baik oleh KKM dengan penglibatan secara bersepadu pelbagai agensi dan kementerian termasuk NGO.

Di peringkat antarabangsa, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah membangunkan *International Health Regulations*, dengan izin, IHR (2005) sebagai satu buah instrumen perundangan yang memerlukan negara-negara anggota yang telah menandatangani untuk memastikan mereka memiliki kapasiti minimum bagi mengesan, menilai, melaporkan dan mengambil tindakan terhadap sebarang kejadian kecemasan. Malaysia telah menjalani *joint external evaluation (JEE)*, dengan izin, pada 21 Oktober hingga 25 Oktober 2019 dan didapati bahawa Malaysia menepati standard yang telah ditetapkan dan setara dengan negara-negara maju lain dalam soal kesiapsiagaan dan mampu mendepani kejadian kecemasan kesihatan awam seperti yang kita hadapi sekarang ini.

Dalam memastikan penyertaan ahli masyarakat dalam kesihatan terutamanya COVID-19, Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif jangka panjang dengan membina upaya

lebih daripada 150 ribu orang sukarelawan di seluruh negara yang juga dikenali sebagai ejen kesihatan. Sukarelawan ini terdiri daripada ahli-ahli KOSPEN pada komuniti, ahli COMBI di komuniti, doktor muda di sekolah rendah dan sekolah menengah, ahli PROSIS di kolej dan universiti, duta ubat pada komuniti dan ikon gigit pada komuniti dan institut pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi, pada tahun 2021, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM16.5 juta untuk penyakit jarang jumpa dan sebanyak RM10 juta untuk rawatan saringan Hepatitis C. Memandangkan kos rawatan pesakit jarang jumpa yang mahal iaitu sehingga RM1 juta setiap tahun bagi seorang pesakit, maka menjadi tanggungjawab semua pihak terutama persatuan dan NGO untuk bekerjasama dan memastikan pesakit dalam golongan ini mendapat rawatan yang sewajarnya.

KKM amat mengalu-alukan kolaborasi daripada pihak persatuan, NGO, syarikat swasta serta badan-badan kebajikan untuk bersama-sama menyumbang khidmat bakti kepada pesakit jarang jumpa ini. KKM juga telah mengesyorkan Yayasan Penyakit Jarang Jumpa untuk menubuhkan tabung amanah bagi pengumpulan dana untuk pesakit ini. KKM juga telah membangunkan Kerangka Kebangsaan Penyakit Jarang Jumpa Malaysia bagi mengintegrasikan pengurusan pesakit jarang jumpa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya, Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu dan Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi telah membangkitkan isu-isu berkenaan kesihatan mental terutamanya ketika musim ini.

KKM mengambil pendekatan proaktif dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan kesihatan mental di fasiliti-fasiliti KKM sebagai strategi intervensi awal pencegahan gangguan mental, tingkah laku bunuh diri dan keganasan rumah tangga. Ia dilaksanakan melalui perkhidmatan kesihatan mental, psikologi kaunseling di 66 buah hospital, semua klinik kesihatan primer dan 28 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI).

KKM juga telah menempatkan sejumlah tambahan 200 orang pegawai psikologi kaunseling di peringkat daerah dan klinik kesihatan. Selain itu, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) turut dilaksanakan secara atas talian bersesuaian dengan situasi pandemik bagi membantu masyarakat yang terkesan.

Terdapat juga beberapa talian *helpline* utama melibatkan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan seperti Talian Kasih oleh KPWKM, MERCY Malaysia, talian *Befrienders*, *KSK Care Centre* oleh JAKIM dan juga talian *Mental Illness Awareness and Support Association* (MIASA), dengan izin. Perkhidmatan ini turut dilaksanakan di stesen-stesen kuarantin iaitu PKRC.

KKM juga telah menyediakan perkhidmatan 24 jam di *One-Stop Crisis Centre* (OSCC) di semua jabatan kecemasan kesihatan hospital kerajaan. KKM juga telah melalui pengukuhan program kesihatan mental di bawah Belanjawan 2021 dengan memperuntukkan sebilangan jumlah yang bersesuaian untuk keperluan badan-badan bukan kerajaan iaitu NGO.

■1300

KKM juga sentiasa bekerjasama dengan pihak KPM untuk meningkatkan akses jaringan pada para pelajar yang memerlukan intervensi segera di fasiliti kesihatan agar rawatan dapat dilaksanakan, yang mana yang ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Tuan Yang di-Pertua, *finishing* Tuan Yang di-Pertua. Akhir kata, KKM amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: ...Oleh sebab telah membangkitkan isu-isu serta cadangan yang melibatkan kesihatan awam...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sedikit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: ...Dan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa dia sudah habis.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Masa sudah habis ini.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Saya juga ingin mengucapkan terima kasih...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tak, saya mohon jawapan bertulis nanti berhubung dengan Klinik Kesihatan Batu 10 Lekir yang telah terbakar, saya lihat masih lagi belum diambil tindakan. Mohon kalau dapat jawapan bertulis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan beri jawapan yang bertulis. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai di KKM kerana telah membantu saya dalam ucapan ini dan juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua barisan hadapan yang berjuang dengan penuh dedikasi dan kerja kuat dalam masa pandemik ini. Mudah-mudahan Allah SWT menghilangkan penyakit ini dan juga menyembuhkan semua saudara kita yang mendapat penyakit COVID-19 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I.

Seterusnya, dipersilakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

1.01 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 yang lalu. Sesungguhnya isu-isu yang dibangkitkan dan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini mencerminkan keprihatinan semua Yang Berhormat ke atas masalah dan hal-hal kebajikan rakyat Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 akan melabuhkan tirainya tidak lama lagi. Sesungguhnya tahun 2020 penuh dengan warna-warni daripada segi politik, diikuti dengan penularan wabak COVID-19, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), diikuti pula dengan iltizam dan semangat negara untuk terus bangkit menangani cabaran ekonomi serta memulihkan aktiviti harian rakyat yang telah terjejas.

Sesungguhnya, Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November yang lalu mampu meletakkan semula negara ke landasan yang betul bagi menghadapi cabaran 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan dan mandat kepada kementerian ini untuk melaksanakan program-program bersifat rakyat *centric* ataupun *people centric*. Di mana di dalam Belanjawan 2021 ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak RM1.15 bilion iaitu peningkatan sebanyak 11.4 peratus berbanding tahun 2020. Peningkatan ini begitu signifikan bagi pemantapan dan pemulihan sektor perdagangan dalam negeri, mengurangkan beban kos sara hidup rakyat dan pemerksaan pengguna.

Antara program kementerian yang akan dilaksanakan pada tahun depan meliputi pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, Program Pengedaran Gas Memasak dan *Community Drumming*. Program Penyeragaman Harga, pemerksaan pengguna, menyemarakkan persaingan yang adil dalam perniagaan dan aktiviti penguatkuasaan. KPDNHEP komited untuk memastikan semua program ini diurus secara saksama supaya golongan rentan yang terjejas akan dapat menikmati manfaat daripada program-program

yang dirancang ini. Daripada segi pemulihan ekonomi pula, kementerian juga akan terus memainkan peranan melalui pemerksaan perniagaan atas talian, menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia dengan Kempen KBBM serta usaha-usaha menggalakkan penyertaan rakyat dalam perniagaan francais.

Saya yakin dan saya percaya dengan komitmen yang ditunjukkan oleh semua peringkat warga kementerian daripada Yang Berhormat Menteri, KSU, pegawai dan kakitangan serta anggota penguat kuasa, pegawai pematuh harga, usaha ini akan membuahkan hasil seperti yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Belanjawan 2021 ini, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, ini bekas ustaz saya, terima kasih ustaz. Telah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan isu *food bank*.

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak Program *Food Bank* dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Ogos 2018 dan dilancarkan secara rasmi pada 22 September 2020, program ini tidak menggunakan peruntukan daripada kerajaan. Sebaliknya, barang sumbangan yang diagihkan kepada penerima adalah barangan yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat penyumbang yang terdiri daripada pengilang, pengeluar makanan, pasar raya, hotel dan lain-lain pemain industri utama. Sebanyak lebih 130 buah syarikat telah memberi komitmen menyumbang kepada program ini. Terima kasih pada mereka yang menyumbang.

Barangan yang disumbangkan antaranya barangan makanan kering, minuman, lebihan makanan ataupun *food surplus* dari hotel-hotel dan lain-lain makanan. Selaras dengan inisiatif matlamat pembangunan lestari, sejumlah 2,301 tan metrik lebihan makanan telah dapat diselamatkan dan telah dinikmati oleh 622 ribu- ahli isi rumah.

Untuk memperkemaskan lagi pelaksanaan ini, kementerian telah membuat dua perolehan baharu untuk membeli mesin retort di mana mesin ini dijangka akan diperolehi pada suku pertama 2021. Bagi menjemput lebih banyak syarikat menyumbang untuk turut serta dalam program ini, Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020 telah diwartakan pada Mac 2020 bagi memberi perlindungan daripada liabiliti sivil kepada mana-mana orang yang menderma atau mengedar makanan.

KPDNHEP juga akan giat menjalankan advokasi bagi memperkenalkan akta ini kepada syarikat penyumbang dan pihak yang berkenaan. Justeru, KPDNHEP menyeru supaya lebih ramai lagi syarikat ataupun orang persendirian menyertai Program *Food Bank* ini agar inisiatif peduli rakyat oleh kerajaan dapat diteruskan bagi membantu lebih ramai lagi golongan yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja apa yang ingin saya kongsi di Dewan yang mulia ini. Jadilah kita orang-orang yang lebih memberi manfaat kerana Nabi bersabda... [*Membaca*

sepotong hadis] Sekian, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pegawai-pegawai yang membantu...

Datuk Razali bin Idris: Habis dah?

Dato' Rosol bin Wahid: ...Untuk penjelasan pada hari ini. Sila.

Datuk Razali bin Idris: Ingatkan sambung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kementerian, sejauh mana kolaborasi dengan syarikat-syarikat swasta yang bagi derma untuk *food bank* seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi supaya sebagai pengusaha tempatan dapat bekerjasama dengan syarikat swasta yang disebutkan tadi? Jadi, sejauh mana *collaboration* antara pihak *government* dengan syarikat swasta? Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Razali. Sebenarnya kita sebagaimana yang dinyatakan tadi, sebanyak 130 buah syarikat dan juga hotel telah menyumbang kepada kita. Kita menguar-uarkan pada sesiapa sahaja yang ingin menyumbang untuk berhubung terus kepada kita. Kita yakin sumbangan ini bukan sahaja dapat menyelamatkan para penyumbang ini kerana jika kita tidak mengambil barang-barang mereka, mereka terpaksa menghabiskan duit untuk melupuskan barang tersebut.

Jadi oleh yang demikian, usaha kita di samping membantu mereka yang memerlukan, kita juga membantu golongan-golongan penyumbang. Kita mengalu-alukan sesiapa sahaja yang ingin menyumbang, tak kira sama ada makanan kering, pakaian dan sebagainya untuk kita sumbangkan kepada mereka yang memerlukan.

Saya rasa menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator. Saya rasa itu sahaja apa yang ingin saya kongsi pada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Seterusnya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

■1310

1.10 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sesungguhnya, saya juga sebahagian daripada orang Melaka amat berbangga dengan pelantikan tersebut. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan isu berkaitan dengan

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sepanjang tempoh perbahasan pada kali ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu memohon penjelasan berhubung dengan usaha jangka panjang yang dilaksanakan oleh kerajaan selain daripada inisiatif di bawah PENJANA untuk membantu produktiviti PKS. Terutama dalam usaha untuk kita meningkatkan kemahiran pekerja dan juga mengadaptasikan serta mempelajari teknologi baharu seperti kecerdasan buatan iaitu dengan nama orang putihnya *Artificial Intelligent* (AI).

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) merupakan strategi jangka panjang dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030. Selaras dengan DKN 2030 di bawah Teras Strategik 4, Memacu Pertumbuhan Ekonomi melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi, kementerian sentiasa fokus bagi mewujudkan usahawan yang berinovasi serta memberikan nilai tambah kepada produk dan juga perkhidmatan melalui teknologi tinggi.

Selain daripada itu, kementerian juga telah merangka inisiatif di bawah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi Pasca COVID-19 yang bertujuan untuk memastikan usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana iaitu PKS mikro terus berdaya saing dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 dengan memberikan fokus terhadap usaha meningkatkan penggunaan teknologi di kalangan usahawan PKS ini.

Antara program keusahawanan *e-Dagang* dan juga penggunaan teknologi jangka pendek dan juga jangka panjang yang kita laksanakan di bawah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah untuk meningkatkan kemahiran usahawan dan juga PKS serta mengadaptasi teknologi baharu dan seterusnya mentransformasikan kaedah perniagaan konvensional kepada digital. Antara program yang telah kita lakukan adalah antaranya:

- (i) *eCommerce Onboarding Coaching Programme* (E-Board);
- (ii) *INSKEN Business Training* (IBT);
- (iii) *INSKEN Masterclass*;
- (iv) pemasaran *online* TEKUN;
- (v) mengadakan kerjasama antara pihak TEKUN dengan agensi *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC);
- (vi) mengadakan Program *Micro Connector* di bawah SME Corp.;
- (vii) kolaborasi di antara MDEC dan juga MTDC *14.0 Accelerator Programme*,
- (viii) *Programme Business Accelerator Programme* (BAP) SME Corp.; dan
- (ix) program BEEP, yang cukup popular di kalangan usahawan iaitu program Peningkatan *Enterprise* Bumiputera di bawah SME Corp.

Selain daripada itu, kementerian melalui agensinya juga menyediakan platform *e-Dagang* bagi kita membantu usahawan dan juga PKS bagi mengembangkan program dan

juga perniagaan mereka atas talian seperti berikut iaitu platform Angsana *Virtual Mall* oleh pihak UDA Holdings dan juga platform Pybli oleh Perbadanan Nasional Berhad iaitu di bawah PNS. Kita harapkan melalui inisiatif ini kita dapat mewujudkan lebih ramai usahawan dan juga PKS yang berdaya saing serta mampu untuk mengadaptasikan teknologi yang berkembang pesat dengan lebih cepat dan juga baik.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding mencadangkan supaya promosi dan juga penerangan mengenai pembiayaan mikro kredit melalui TEKUN diperhebat di luar bandar di Sarawak memandangkan masih ramai yang tidak tahu akan kewujudan dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, TEKUN Nasional telah pun menawarkan perkhidmatan pembiayaan mikro kredit khas melalui 16 buah pejabat cawangan dan juga lapan buah pejabat mini bagi memperluaskan lagi capaian kepada usahawan-usahawan di seluruh Sarawak. Berdasarkan pada rekod kami, sejak mula beroperasi pada tahun 1999 sehingga November 2020, seramai 35,315 orang usahawan Sarawak telah mendapat bantuan pembiayaan dengan nilai pembiayaan yang dikeluarkan sebanyak RM358.4 juta.

TEKUN Nasional menyedari bahawa faktor geografi dan juga keluasan negeri Sarawak telah menyebabkan kesukaran untuk usahawan mendapatkan bentuk bantuan pembiayaan ini. Untuk itu TEKUN telah pun mengambil inisiatif mewujudkan TEKUN *Mobile* menggunakan kenderaan pacuan 4x4 bagi menyediakan perkhidmatan TEKUN ke kawasan pedalaman dan juga tempat-tempat yang jauh seperti pekan kecil dari pejabat cawangan dan sebanyak tiga buah kenderaan TEKUN *Mobile* ini telah pun kita hantarkan ke negeri Sarawak pada tahun 2020.

Di samping itu, TEKUN juga menyediakan kemudahan TEKUN melalui TEKUN *Boat Mobile*. Bukan hanya kenderaan pacuan 4x4 tetapi melalui bot pun TEKUN lakukan yang berpangkalan di Sarikei bagi menyediakan perkhidmatan kepada usahawan-usahawan mencakupi hingga ke kawasan Tanjung Manis, Pulau Brait dan juga Kampung Paloh.

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut, aktiviti promosi pengedaran borang permohonan melalui *pamflet* dan juga *flyers*, dengan izin. Penerangan mengenai produk dan juga Skim Pembiayaan TEKUN serta semakan status permohonan dan juga baki pembiayaan serta bayaran balik pembiayaan. Selain itu, TEKUN juga sentiasa bekerjasama dan turut serta dalam apa juga program-program anjuran kerajaan negeri dan juga agensi-agensi pusat dan tempatan untuk kita sama-sama menguar-uarkan kepada akar umbi tentang produk-produk yang ada bagi membantu usahawan terutama di kawasan luar atau pedalaman.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding juga turut memohon penjelasan bagaimana kerajaan dapat membantu perusahaan sosial memandangkan ramai

yang masih lagi kurang jelas tentang konsep ini dan bagaimana mereka boleh mendapatkan manfaat daripada perusahaan sosial ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan komited dalam usaha untuk memacukan pembangunan usahawan sosial di Malaysia dan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 Teras Strategik ke-3 iaitu Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik. Keusahawanan sosial telah pun dikenal pasti sebagai salah satu strategi bagi merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia termasuklah B40, golongan kelainan upaya, Orang Asli, wanita, belia dan juga bumiputera.

Jadi pelaksanaan inisiatif keusahawanan sosial di bawah DKN 2030 ini adalah seiring dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan dan seiring dalam soal aspek pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan juga rantai pembekalan.

Dengan menggalakkan pembangunan keusahawanan sosial yang berlandaskan konsep model keusahawanan yang tidak hanya berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi turut menekankan kepada perwujudan impak sosial ataupun alam sekitar yang lebih positif maka manfaat usahawan ini dan juga peningkatan sosial ekonomi akan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Kementerian telah dan juga sedang melaksanakan pelbagai program bagi memperkasakan dan juga untuk meningkatkan bilangan perusahaan sosial di Malaysia. Antaranya melalui penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Perusahaan Sosial iaitu *SED Committee* yang berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan program dan juga inisiatif pembangunan keusahawanan sosial oleh pelbagai kementerian dan juga agensi.

Keduanya, pembangunan *Blueprint* Perusahaan Sosial 2021-2030 bagi menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan sosial negara ini bagi tempoh lima tahun bagi tahun 2021 hingga 2025. Melalui *blueprint* ini pembangunan sosial di Malaysia akan mempunyai satu hala tuju yang lebih jelas dan realistik yang dijangkakan dapat meningkatkan lagi bilangan perusahaan sosial di negara kita.

Ketiganya, bagi pelaksanaan kursus asas keusahawanan sosial yang akan dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang menyediakan panduan dan juga latihan kepada usahawan-usahawan yang ingin menceburi keusahawanan sosial dan juga usahawan sosial yang sedia ada untuk mereka memperkukuhkan lagi perniagaan mereka. Sehingga kini, ada enam program yang telah dilaksanakan sejak 17 Oktober 2020 dan seramai lebih kurang 224 orang usahawan yang telah pun mengikuti program ini.

Seterusnya, pelaksanaan Akreditasi Perusahaan Sosial sebagai mekanisme untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial. Sehingga 14 Disember 2020 sebanyak 390 perusahaan sosial telah berdaftar di platform akreditasi ini dan daripada jumlah tersebut

sebanyak 353 yang telah diberi pengiktirafan sebagai perusahaan sosial asas manakala sebanyak 37 telah diberikan pensijilan Akreditasi Perusahaan Sosial daripada pihak kementerian.

■1320

Perusahaan sosial yang telah akreditasi akan menerima pelbagai manfaat dan juga insentif daripada kerajaan. Antara manfaat yang diterima, pertamanya, disenaraikan dalam direktori awam yang membolehkan masyarakat mendapat maklum balas dan juga maklumat mengenai sesuatu perusahaan sosial.

Keduanya, dimasukkan di bawah program *Buy for Impact* bagi membolehkan perusahaan sosial ini memasarkan produk ataupun perkhidmatan mereka dengan lebih meluas di samping menggalakkan perolehan sosial oleh sektor awam dan juga sektor korporat.

Seterusnya, bagi mendapatkan akses kepada pembiayaan bagi membantu perusahaan sosial mengembangkan perniagaan dan secara langsung meningkatkan manfaat dan juga impak kepada masyarakat dan alam sekitar serta menerima layanan potongan cukai pendapatan ke atas sumbangan tunai yang diberikan kepada perusahaan sosial di bawah subseksyen 44(11C), Akta Cukai Pendapatan 1967. Seterusnya, kementerian akan melaksanakan program *outreach* dan juga peningkatan kesedaran bagi meningkatkan pemahaman berkenaan keusahawanan sosial dalam kalangan sektor awam, swasta dan juga dalam kalangan masyarakat.

Dengan adanya kesedaran serta pemahaman yang lebih jelas, saya yakin masyarakat akan dapat dan juga usahawan-usahawan juga akan dapat memasarkan produk ataupun perkhidmatan mereka dengan lebih meluas di samping menggalakkan perolehan sosial oleh sektor awam, badan korporat dan juga masyarakat. Ini sekali gus dapat meningkatkan manfaat dan juga impak kepada masyarakat dan juga alam sekitar.

Kerajaan juga komited membantu perusahaan sosial ini di Malaysia terutama mereka yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Kita juga mengadakan program *Recovery Initiative for Social Enterprise (RISE)* di bawah program Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang bertujuan untuk membangunkan kapasiti usahawan sosial dalam kita mengadaptasikan solusi digital melalui penggunaan perisian dan juga teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan pada mesyuarat ini dan saya harap penjelasan ini dapat menjawab persoalan dua Yang Berhormat bertanyakan kepada kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia.

1.22 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bermaksud, "Dialah yang mencipta kamu dari tanah. Kemudian Dia tentukan ajal kematian kamu dan satu lagi ajal yang tertentu di sisi-Nya iaitu masa yang telah ditetapkan untuk bangkitkan kamu semula pada hari Kiamat. Dalam pada itu, kamu masih ragu-ragu tentang hari pembalasan."*

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Sumber Manusia merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin berkaitan hal ehwal perburuhan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Sepanjang selama tiga hari iaitu pada 16, 17 dan 21 Disember 2020, seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya rangkumkan iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu telah menyuarakan kebimbangan mereka berhubung isu pengangguran, pemberhentian kerja dan peluang pekerjaan serta latihan di negara ini.

Jadi, kami bagi pihak Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan ini mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Dalam memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup pekerja-pekerja, dengan izin, *live and livelihood* sentiasa terjamin dan terpelihara, kerajaan sejak pertengahan bulan Mac 2020 yang lalu telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam pakej rangsangan untuk mencapai hasrat murni ini. Manakala dalam Belanjawan 2021, Kementerian Sumber Manusia memperoleh peruntukan sebanyak RM5.422 bilion merangkumi perbelanjaan tahunan sebanyak RM1.288 bilion.

Selebihnya, sebanyak RM4.134 bilion disediakan untuk program perlindungan keselamatan sosial, latihan kemahiran dan insentif pengambilan pekerja. Semua ini tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat dan juga mengisi peluang-peluang pekerjaan yang ada hasil daripada tindakan-tindakan yang telah diusahakan oleh kementerian bersama dengan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu lagi saya jelaskan di sini bahawa COVID-19 bukan sahaja telah memberikan tamparan yang hebat kepada kehidupan harian termasuk masyarakat kita daripada segi aspek sosial dan kesihatan, malahan juga ekonomi negara. Kluster pertama yang pernah bermulanya COVID-19 ini iaitu isu pengangguran dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha-usaha kerajaan bagi memastikan majikan mengekalkan pekerja-pekerja mereka serta merancang lagi pengambilan pekerja, kerajaan telah memperkenalkan dengan izin, *Employment Retention Programme* (ERP), Program Subsidi Upah 1.0 (PSU 1.0) dan juga PSU 2.0 dan Program Insentif Pengambilan Pekerja.

Kerajaan telah menyediakan dana yang amat besar berjumlah RM18 bilion untuk memelihara kesejahteraan serta kelangsungan hidup pekerja dan majikan melalui Program Subsidi Upah (PSU). Dengan adanya usaha ini, kerajaan telah berjaya menyelamatkan hampir 2.72 juta orang pekerja dan 330 ribu orang majikan dalam masa pandemik COVID-19 daripada awal tahun sehingga hampir ke hujung tahun ataupun, dengan izin, *end of the year*.

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, yang mana melalui Belanjawan 2021, kerajaan bercadang untuk melanjutkan pelaksanaan PSU selama tiga bulan. Program Subsidi Upah (PSU) selama tiga bulan lagi dengan dana berjumlah RM1.5 bilion. Peruntukan ini dijangka dapat membantu kira-kira 70 ribu orang majikan, dan 900 ribu orang pekerja.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu, Program Subsidi Upah (PSU) kali ini adalah lebih bersasar ataupun berfokus, dengan izin, khususnya untuk membantu pekerja dalam sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja yang bergaji RM4,000 ke bawah. Selain daripada itu, had 200 orang pekerja bagi setiap permohonan akan ditingkatkan kepada 500 orang pekerja.

Selanjutnya, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin. Seperti mana yang dicadangkan di bawah Belanjawan 2021 dalam usaha kerajaan untuk mengatasi soal pengangguran, kerajaan telah menyasarkan atau memfokuskan untuk mewujudkan sebanyak 500 ribu peluang pekerjaan untuk rakyat dengan peruntukan berjumlah RM3.7 bilion seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2021 di dalam Dewan Rakyat tempoh hari.

Untuk mencapai sasaran ini, pihak Kementerian Sumber Manusia bersama dengan kerajaan telah membuat tiga inisiatif di bawah Skim Jaminan Penjanaaan Pekerjaan (JanaKerja) telah dirancang yang mana dua inisiatif telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Pertama, insentif Penjana Kerjaya di bawah PERKESO dan yang kedua, program *reskilling* dan *upskilling* di bawah Pembangunan Sumber Manusia

Berhad (PSMB) ataupun dalam bahasa Inggeris HRDF dan lain-lain kementerian juga dipertanggungjawabkan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, melalui insentif Penjana Kerjaya di bawah PERKESO, cadangan peruntukan sejumlah RM2 bilion dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada 250 ribu orang pencari kerja.

■1330

Manakala di bawah program *reskilling and upskilling* dengan jumlah peruntukan RM1 bilion adalah bagi melaksanakan program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk 200 ribu orang pelatih. Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu PSMB telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk memberi latihan kepada 20 ribu orang pelatih. Itulah yang menyebabkan kita meletakkan 500 ribu orang pekerja yang akan diisi pada tahun 2021. Bukan kita membuat satu angka yang retorik, yang tidak ada asas.

Insyah-Allah, walaupun angka 500 ribu orang ini dikritik hebat, tetapi kita telah meletakkan sasaran-sasaran untuk kita mencapai- dengan pembangunan ekonomi dan juga dengan peluang-peluang pekerjaan yang akan diisi, yang mana kita sudah ada ruang-ruang kosong yang perlu kita masukkan pekerja-pekerja dalam tahun 2021 dengan satu perancangan yang rapi dan sistematik yang akan dilaksanakan.

Sekali lagi Kementerian Sumber Manusia, Tuan Yang di-Pertua kami terpanggil untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh wakil orang kelainan upaya. Di sini disebut OKU. Tadi, saya sudah bincang dengan Presiden OKU tadi, dia kata bukan kelainan upaya, bahasa yang rasmi orang kurang upaya oleh Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi tadi.

Beliau mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya melantik wakil daripada golongan OKU dalam Majlis Pekerjaan Negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pekerjaan Negara (MPN) memberi penekanan kepada penglibatan pelbagai pihak mendapatkan maklum balas dan pandangan yang menyeluruh berkaitan dengan memperkasakan pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Oleh yang demikian, kementerian akan mengusulkan Yang Berhormat Senator kepada MPN. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada isu, dengan izin, *flexible working hours* untuk wanita-wanita dan ibu-ibu yang bekerja yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

Dalam konteks ini kementerian amat menggalakkan majikan untuk menawarkan waktu fleksibel khususnya kepada ibu-ibu bekerja agar mereka dapat mengimbangi tanggungjawab di tempat kerja dan rumah dengan lebih baik. Di bawah peruntukan Akta 1955, di samping waktu bekerja biasa, akta ini tidak menghalang sama sekali majikan dan pekerja untuk berunding dan bersetuju melaksanakan waktu fleksibel. Kaedah ini juga amat sesuai

dipraktikkan dalam budaya kerja norma baharu pada hari ini khususnya dalam pekerjaan yang boleh dilaksanakan atas talian.

Ini sekali gus mampu mengoptimumkan guna tenaga tempatan dan memastikan penglibatan golongan wanita berada pada tahap yang tinggi, Majlis Pekerjaan Negara (MPN). Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusof- Tuan Yang di-Pertua tidak panggil respons saya dok panggil Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Ismail bin Yusof dan juga Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding. Seperti harapan beliau, saya sesungguhnya berharap usaha-usaha yang saya sebutkan sebentar tadi akan lebih berkesan akan melonjakkan lagi agenda memperkasakan pasaran buruh negara dengan penubuhan MPN yang telah pun mengadakan mesyuarat pertama pada awal Disember yang lalu. Usaha-usaha kerajaan akan dapat memulihkan ekonomi negara apabila sektor pekerjaan berada dalam keadaan aktif.

Selain daripada itu, dengan penubuhan MPN ini, segala isu berkaitan pekerjaan dapat diperhalusi dan diperbincangkan bagi memastikan keperluan warga kerja termasuk golongan B40 dan M40 turut diberi perhatian sepenuhnya. Perlindungan keselamatan sosial pekerja- Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili yang telah mencadangkan peluasan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*] kepada yang bekerja sendiri. Ada *dak* Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang mengkaji secara menyeluruh berkenaan penambahbaikan Akta Sistem Insurans Pekerjaan [*Akta 800*]. Kluster yang ketiga yang disebut tadi- tadi Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerja kluster adalah yang kedua. Kluster yang ketiga, latihan dan pembangunan sumber manusia negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kementerian amat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili dan juga Yang Berhormat Ir. Md. Nasir bin Hashim berkenaan isu pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET) yang dibangkitkan khususnya untuk melibatkan peruntukan dalam Belanjawan 2021 kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta kepada PTPK bagi menyediakan pinjaman latihan kemahiran kepada kira-kira 24 ribu orang pelatih lepasan sekolah khususnya daripada golongan B40 untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA),

seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), *Japan-Malaysia Technical Institute* (JMTI) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS).

Peruntukan ini terbuka kepada semua institut latihan kemahiran yang berdaftar dengan PTPK dan menjalankan program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Ini termasuklah Institut Latihan Kemahiran di bawah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN).

Kementerian melalui PTPK sentiasa merangkan pelan bagi menggalakkan penyertaan belia dalam bidang TVET dengan memberikan kemudahan pinjaman latihan kemahiran yang terbuka kepada semua warganegara. PTPK juga akan meluluskan pembiayaan pinjaman bagi tahun 2021 berdasarkan keputusan penarafan bintang daripada JPK. Manakala, proses pengagihan peruntukan pula adalah berdasarkan konsep kuota terbuka yang mana prinsip *first come, first served basis*, dengan izin, digunakan untuk memastikan peruntukan diguna secara optimum.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim, sejak tahun 2011 hingga 30 November 2020, PTPK telah meluluskan pembiayaan 34,649 orang pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran di PPKN yang meliputi 13 PPKN di seluruh negara. Oleh yang demikian, kementerian melalui PTPK komited bahawa peruntukan sebanyak RM300 juta akan mampu menarik minat semua warganegara termasuklah belia untuk menyertai latihan dalam bidang TVET.

Bagi Belanjawan 2021, kementerian akan memberikan penekanan kepada latihan IR4.0 yang dijangka boleh mengurangkan jurang kemahiran terutamanya dalam bidang kemahiran digitalisasi dan juga kemahiran-kemahiran lain.

Sehubungan dengan itu, kementerian menerusi pembangunan kemahiran telah membangunkan 42 standard kemahiran pekerjaan kebangsaan berdasarkan sembilan-teras utama revolusi berkenaan seperti siber sekuriti, *augmented reality*, dengan izin, *internet of things* (IoT) dan lain-lain. Jadi, ada 21 muka surat lagi. Adakah Tuan Yang di-Pertua akan beri sebab ini semua fakta yang dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan sebab kita ada masa tadi. Ada yang awal sedikit. Boleh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]: So, saya teruskan ya. Saya ambil-cepatkan. Sehubungan itu kementerian menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan 42 standard kemahiran pekerjaan kebangsaan (NOSS). Ini akan menjadi asas kepada penyediaan latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK untuk menyediakan kurikulum latihan program TVET bagi memenuhi keperluan kemahiran IR4.0 yang akan menggubah proses.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup penggulungan saya pada hari ini, ingin saya menyentuh beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara ringkas seperti berikut.

Yang pertama, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang mencadangkan PSNB untuk memulangkan kembali kutipan levi. Pada ketika ini PSNB belum berhasrat untuk mengembalikan semula kutipan levi pembangunan sumber manusia kepada syarikat swasta. Walau bagaimanapun, syarikat yang menghadapi masalah boleh mengemukakan permohonan untuk pengecualian.

Kedua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose yang ingin tahu adakah skim latihan PSNB akan diperluaskan di negeri Sabah dan Sarawak? Jawapannya adalah, ya. Malahan ia telah dilaksanakan di kedua-dua negeri ini.

Ketiga, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin berkaitan pelaksanaan insentif untuk tempat kerja mesra wanita dan keluarga dengan memasukkan definisi wanita bertudung. Kementerian menyambut baik cadangan ini untuk diwujudkan insentif tempat kerja mesra wanita dan keluarga bagi membolehkan golongan ini bekerja dengan selesa dan produktif. Kementerian akan meneliti cadangan ini bagi kebaikan golongan pekerja, amnya golongan pekerja wanita.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi sedikit ruang. Adalah ingin saya menyatakan di sini bahawa Belanjawan 2021 adalah amat penting. Menyedari bahawa pekerja dan majikan amat memerlukan sokongan kerajaan, lebih-lebih lagi dalam tempoh yang sukar ini, kerajaan telah menambah baik lagi inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan melalui Belanjawan 2021.

■1340

Last. Kementerian melalui agensi-agensi dan jabatan-jabatan seperti PERKESO, PSMB, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Keselamatan dan Jabatan Kesihatan Pekerjaan serta jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengan pembangunan kemahiran seperti JPK, JTM dan PTPK akan sentiasa menerima cadangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Akhir kata, kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini, saya ucapkan jutaan terima kasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga Pengerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Kebangsaan. Jadi, apa-apa boleh terus kepada saya. Sekian, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya bentangkan fakta-fakta yang amat penting untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga rakyat.

Sekian, terima kasih. *Wallahu'alam. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang saya kira telah menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

1.41 tgh.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi atau KPPK dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Dewan yang mulia ini.

Di bawah Belanjawan 2021 yang dicadangkan ini, KPPK diperuntukkan sebanyak RM729.39 juta iaitu RM476.67 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM252.73 juta. KPPK menerima peningkatan sebanyak 8.8 peratus berbanding peruntukan tahun 2020.

Untuk menggulung penggulungan ini, saya akan memberi maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator seperti berikut.

Isu pertama yang akan diperjelaskan adalah berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong mengenai cadangan untuk mengadakan kajian semula ke atas struktur cukai ke atas industri sawit.

Tuan Yang di-Pertua, KPPK akan mengadakan kajian semula struktur cukai ke atas industri sawit negara pada tahun 2021. Kajian ini bertujuan menilai semula secara keseluruhan ke atas cukai-cukai yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan termasuk kesannya ke atas kos pengeluaran minyak sawit. Hasil kajian ini dijangka akan digunakan untuk menstrukturkan semula cukai ke atas industri sawit bagi memastikan industri ini kekal berdaya saing.

Isu seterusnya mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator untuk menambah baik bantuan penanaman semula kelapa sawit. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas, Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang disediakan semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh telah ditukar daripada geran kepada pinjaman dengan dikenali sebagai Skim Pembayaran Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Skim TSPKS ini telah dirangka agar tidak membebaskan pekebun kecil dengan kadar faedah yang rendah iaitu dua peratus tempoh moratorium selama 48 bulan dan tiada cagaran.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penukaran ini adalah sejajar dengan dasar semasa kerajaan untuk program tanaman semula sawit yang diusahakan oleh agensi lain seperti Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SAKRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Walau bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk menstrukturkan semula skim TSPKS untuk dikhususkan kepada kumpulan sasar tertentu seperti golongan B40 dan sebagainya. Namun, ia tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair memohon penjelasan berkaitan rancangan kementerian untuk mengenal pasti pekebun-pekebun kecil sawit yang masih belum mendapatkan pensijilan MSPO dan koordinasi dengan pengilang-pengilang sawit dan aspek rantai pengeluaran atau *supply chain*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus menggiatkan usaha bagi memastikan kesemua pekebun kecil sawit dipersijilkan di bawah Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia iaitu MSPO. Seperti mana diketahui umum, kerajaan sedang giat memastikan para pekebun kecil khususnya pekebun kecil persendirian dikumpulkan di bawah 162 kluster minyak sawit mampan untuk eksport di seluruh negara bagi membolehkan kerajaan membantu para pekebun kecil persendirian untuk mendapatkan pensijilan MSPO dan penyaluran insentif.

Sehubungan dengan itu, kempen-kempen melalui pelbagai saluran media telah dijalankan dan terus diatur bagi memberikan peringatan dan kesedaran berkaitan pensijilan MSPO dan insentif-insentif berkaitan. Ini termasuk perwujudan kaunter permohonan dan pertanyaan secara dalam talian dan laman sesawang MSPO.

Kepelbagaian sistem permohonan ini telah diwujudkan sejak bulan September 2020 yang merupakan inisiatif dan perancangan membantu pekebun kecil persendirian. Di samping itu, ia adalah selaras dengan norma baharu COVID-19 di mana sistem sebelum ini lebih berfokuskan permohonan melalui kaunter pejabat cawangan MPOB. Sistem ini juga dapat membantu pihak MPOB mengenal pasti pekebun kecil yang mempunyai masalah untuk mendapatkan pensijilan MSPO di samping menjadi tempat rujukan masalah-masalah lain berkaitan industri sawit. Kesemua saluran yang disebutkan ini telah pun diuar-uarkan melalui media cetak, siaran televisyen, radio dan iklan di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian melalui MPOB akan membuat edaran surat peringatan kepada pekebun-pekebun kecil sawit yang masih belum mendapatkan pensijilan MSPO mulai 1 Januari 2021. Seterusnya, tindakan lanjut seperti penggantungan lesen boleh dikenakan mulai 1 Januari 2022. Manakala bagi pembatalan dan

penarikan lesen akan hanya dilaksanakan bermula 1 Januari 2023 dengan mengambil kira perkembangan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekebun kecil yang telah dipersijilkan, koordinasi bersama pengilang-pengilang sawit sentiasa diwujudkan. Sehingga akhir bulan November 2020, seramai 324,272 orang pekebun kecil yang mempunyai keluasan 1.07 juta hektar telah dipersijilkan di bawah MSPO.

Salah satu penambahbaikan koordinasi di antara pekebun kecil dan pengilang-pengilang sawit dalam rangkaian pengeluaran melalui penggunaan sistem MSPO Trace. Sistem ini bukan sahaja dapat mengenal pasti data pekebun kecil yang telah dipersijilkan, malah kesemua premis yang telah memperoleh pensijilan dalam rangkaian pengeluaran juga dapat dikoordinasi bagi tujuan kebolehjejukan dan pengenalan identiti. Seterusnya, sistem ini juga mampu mengakses lokasi koordinat kebun pada pensijilan yang mengaudit sehinggalah butiran terperinci pekebun dan pemain industri.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga telah membangkitkan isu berkaitan Pelan Rekalibrasi Pendatang Tanpa Izin (PATI) bagi membolehkan pengambilan pekerja ladang sawit di kalangan PATI. Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bermula pada 16 November 2020 hingga 30 Jun 2021 merangkumi dua bentuk komponen iaitu program khas iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja. Program Rekalibrasi Pulang merupakan program yang membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula merupakan satu program khas untuk mendokumentasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh pihak kerajaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi majikan yang memohon untuk Program Rekalibrasi PATI, mereka masih tertakluk kepada Akta Kerja 1955, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 [*Akta 446*] dan akta-akta lain yang masih berkuat kuasa.

■1350

Kementerian melalui kenyataan Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi pada 17 Disember 2020 turut memberi peringatan kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor perladangan dan industri komoditi agar sentiasa patuh kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Langkah tersebut juga adalah bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pihak antarabangsa dengan menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia adalah serius dalam usaha

menangani isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak yang didakwa berlaku di negara ini serta bagi memastikan kebajikan pekerja sentiasa dititikberatkan. KPPK dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi berkaitan akan terus menyokong serta membantu sektor perladangan dan industri komoditi dalam menangani isu kekurangan pekerja di samping menggesa pihak industri supaya mengamalkan sistem perburuhan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol telah mencadangkan supaya pihak kerajaan memperuntukkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sesekali pandanglah sini.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Ya saya.

Tuan Yang di-Pertua: Orang di sini sudah bertukar.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Okey, terima kasih. *Sorry* Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi peringatan. Telah mencadangkan supaya pihak kerajaan memperuntukkan bantuan untuk membaik pulih jalan ladang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) masih memberikan bantuan untuk menaik taraf, membina baharu, selenggaraan Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK), persediaan kepada pekebun kecil persendirian komoditi di bawah kementerian ini iaitu sawit, getah, lada, koko dan kenaf yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebagai kemudahan infrastruktur serta sokongan kerajaan kepada rakyat...

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pencerahan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Ia "cerah" tidak ada, "penjelasan".

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Penjelasan, boleh? Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Ya saya.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang membantu pekebun kecil secara persendirian tadi, termasuk sawit. Akan tetapi saya hendak tanya, apakah langkah kerajaan untuk kayu gaharu yang semakin popular sekarang ini? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Tadi saya ada jelaskan untuk jalan-jalan tetapi yang untuk Yang Berhormat Senator bangkitkan itu, memang juga di bawah kementerian. Akan tetapi yang saya sentuh isu ini hendak buat jalan, selenggara jalan dan sebagainya dan itu di bawah agensi di bawah kementerian saya. Jadi, kalau ada apa-apa, mungkin saya boleh

bincang dengan Yang Berhormat cerita lah tetapi ini adalah berkaitan dengan jalan. Kerajaan kepada rakyat untuk mengurangkan beban pekebun kecil persendirian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, bagi pekebun-pekebun kecil yang mempunyai keperluan untuk menyejagakan dan membaiki pulih jalan-jalan akibat musim tengkujuh, permohonan boleh dibuat melalui agensi KPPK iaitu MPOB, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan Lembaga Lada Malaysia di peringkat negeri masing-masing untuk cadangan permohonan jalan-jalan pekebun kecil di peringkat kementerian. Permohonan ini akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun semasa dan kesesuaian lokasi dengan mengambil kira kelebaran rizab jalan, bahu jalan serta kegunaan jalan yang boleh memberikan manfaat kepada ramai pekebun kecil di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah juga telah mencadangkan supaya pihak kerajaan menggunakan hasil cukai 'durian runtuh' untuk mengadakan kajian terhadap automasi ladang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kajian automasi atau mekanisasi di dalam sawit pekebun sawit, beberapa kajian masih dijalankan bagi menilai kesesuaian dan keperluan daripada segi kadar pulangan dan nilai ekonomi yang mampu diraih oleh pekebun kecil, terutama apabila melibatkan penggunaan mesin dan jentera-jentera besar di ladang kelapa sawit. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator, berkaitan penggunaan hasil cukai 'durian runtuh' untuk tujuan kajian automasi ladang.

Dalam hal ini, pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan akan memperhalus cadangan berkenaan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini, kementerian dengan kerjasama MPOB sedang menjalankan sesi libat urus dengan pemain industri untuk mendapatkan pendekatan yang terbaik dalam mendukung usaha kerajaan ke arah mengautomasikan sektor perladangan.

Buat masa ini, pihak kementerian telah mengambil inisiatif bagi memperkenalkan Skim Diskaun Cantas kepada pekebun kecil. Mengambil kira keperluan semasa serta kekurangan tenaga kerja yang mengusahakan sawit pekebun kecil, penggunaan mesin cantas DDS sebagai salah satu alternatif terbaik di dalam membantu pekebun kecil, terutamanya dalam melaksanakan kerja-kerja penuaian hasil sawit. Melalui skim ini, pekebun kecil akan diberikan diskaun bernilai RM1,000 bagi setiap unit pembelian mesin cantas.

Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah juga telah mencadangkan supaya pihak kerajaan menyediakan satu *safety net* kepada pekebun kecil sawit. Yang Berhormat Senator,

harga minyak sawit mentah (CPO) negara berada pada paras yang cukup baik pada masa ini. Harga CPO pada 8 Disember 2020 telah direkod berada pada RM3,665 per tan.

Harga CPO yang tinggi ini secara langsung telah meningkatkan harga buah tandan segar (BTS). Paras harga yang tinggi ini telah menggembirakan semua pihak dalam industri sawit, termasuk para pekebun kecil. Walau bagaimanapun, kerajaan dari semasa ke semasa akan mempertimbangkan cadangan dan idea-idea baharu untuk industri sawit, khususnya para pekebun kecil berdasarkan kehendak dan kesesuaian sesuatu permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan *safety net* seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator. Pihak kementerian masih sedang dalam proses mengkaji dan meneliti daripada pelbagai aspek mengenai kesesuaian pelaksanaan pada komoditi sawit dan mengambil kira pelaksanaan yang sedang dijalankan di komoditi yang lain seperti getah. Walau bagaimanapun, penelitian keseluruhan projek yang masih sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian adalah bergantung sepenuhnya kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang menyentuh bidang kuasa KPPK telah pun saya jawab. Seterusnya, pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya dalam semua saluran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator agar industri agrikomoditi negara terus kukuh, berdaya saing dan makmur. Itu sahaja, sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih dan penghargaan tinggi kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Akhir sekali, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

12.58 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Bismillahi Rahmani Rahim. assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Bagi tahun 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperuntukkan sebanyak RM2.58 bilion. Di samping Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM791 juta seperti yang diumumkan dalam ucapan peruntukan Belanjawan 2021 adalah untuk manfaat kesemua golongan sasar kementerian. Tuan Yang di-Pertua, seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan sebanyak 15 pertanyaan isu dan cadangan

sepanjang sesi perbahasan kali ini. Izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, isu-isu dan cadangan mahupun pandangan tersebut secara keseluruhan mengikut Yang Berhormat Senator yang membangkitkannya.

Pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan terhadap golongan orang kurang upaya serta cadangan agar majlis pembangunan bagi OKU turut melibatkan NGO OKU di luar bandar. Kementerian menyambut baik dengan cadangan Yang Berhormat Senator supaya melibatkan NGO luar bandar. Ini adalah selaras dengan peruntukan akta dan juga apa yang dipraktikkan oleh kementerian selama ini.

■1400

Dalam masa yang sama, kementerian dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik kaedah pelantikan anggota MKBOKU agar ia turut seiring dengan perubahan semasa dan kehendak serta keperluan sebenar OKU.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, mesyuarat MKBOKU bilangan satu tahun 2020 pada 21 Disember 2020 secara dasarnya telah bersetuju mengenai cadangan penubuhan Yayasan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU). Walau bagaimanapun, pelaksanaan struktur dan mekanisme bagi cadangan ini sedang diperhalusi dan diperincikan sebelum ia dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin membangkitkan berkenaan dengan peruntukan untuk Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang tidak mencukupi di negeri-negeri. Peruntukan yang diterima oleh JPW bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM20.1 juta berbanding dengan RM26.9 juta pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 25 peratus iaitu sebanyak RM6.7 juta. Sehingga November 2020, sebanyak 956 program sebenarnya telah dilaksanakan oleh JPW melalui pelbagai Jabatan Pembangunan Wanita negeri-negeri yang melibatkan penyertaan seramai 392,000 orang peserta.

Berikutan dengan pengurangan peruntukan JPW pada tahun 2021, JPW akan menghubungkan kumpulan sasar ke program-program dan perkhidmatan yang disediakan di kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan lain-lain kementerian. Jadi *insya-Allah* dengan kerjasama ini, kita akan memanfaatkan walaupun dalam keadaan kekurangan peruntukan yang ada.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga bertanya berhubung dengan pelaksanaan perintah berkurung, *curfew* yang dicadangkan. Kementerian berpandangan perkara ini sebenarnya di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ia lebih di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam

Negeri. Walau bagaimanapun, kami di kementerian akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan perintah berkurang terhadap kanak-kanak berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001.

Yang Berhormat Senator juga menyentuh berkaitan dengan Sistem Perpustakaan Bersepadu yang lengkap dengan modul *repository*. Pada tahun 2021, semua kajian yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi akan dapat diakses dalam sistem tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini orang ramai boleh membuat capaian melalui penyelidikan atau kajian berkaitan dengan kumpulan sasar KPWKM melalui portal agensi masing-masing.

Yang Berhormat Senator juga bertanya berkaitan dengan isu cadangan menaikkan kadar Bantuan Anak Pelihara (BAP) yang dibangkitkan. Kementerian sangat menyambut baik cadangan ini dan kita sedang meneliti cadangan untuk menaikkan kadar bulanan anak-anak pelihara ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator juga bertanya berkaitan dengan mewujudkan pelan tindakan dasar kebajikan masyarakat dan pengasingan skop kebajikan daripada KPWKM. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin atas cadangan ini. *Insya-Allah*, kementerian mengambil maklum dan kita akan memperhalus cadangan tersebut. *Insya-Allah*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga bertanya tentang status i-Suri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan status i-Suri untuk fasa dua dan fasa tiga, JPW berperanan mempergiatkan promosi dan hebahan insentif i-Suri untuk mempermudah ahli terus mendaftar dan mencarum di bawah KWSP. Pelaksanaan i-Suri fasa dua sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Ini berkaitan dengan pindaan akta. Manakala pelaksanaan i-Suri fasa tiga adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan yang berkaitan dengan KWSP.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu. Kerajaan amat prihatin dengan masalah psikologi sosial khususnya ketika musim pandemik. Kerajaan menerusi pelbagai agensi kerajaan contohnya, Kementerian Kesihatan, JAKIM dan Lembaga Kaunselor Malaysia telah menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada semua kumpulan sasar bagi membantu mereka menerusi kelangsungan hidup.

Isu-isu yang mendapat perhatian merangkumi isu *psychological* iaitu masalah kemurungan, kebimbangan, gangguan seksual dan masalah keluarga. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan tele kaunseling bersama dengan pegawai psikologi secara atas talian iaitu melalui Talian Kasih di 15999 dan juga melalui talian *WhatsApp* di 0192615999.

Seterusnya iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang mencadangkan kadar kenaikan bantuan- atas cadangan kenaikan kadar Bantuan OKU Tidak

Berupaya Bekerja (BTB) serta menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara berkala kepada penerima bantuan penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar.

Sebenarnya terdapat lima skim bantuan JKM yang akan dinaikkan kadarnya melalui Belanjawan 2021, termasuk BTB dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang dan BPT dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang menjalinkan kerjasama sebenarnya dengan Kementerian Kesihatan bagi urusan pemeriksaan kesihatan kepada penerima-penerima bantuan yang berkaitan. Memang kerjasama ini sedang berlaku dan sentiasa dengan Kementerian Kesihatan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi iaitu membangkitkan berkenaan dengan kenaikan syarat minimum gaji bagi Elaun Pekerja Cacat (EPC) selaras dengan kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, Elaun Pekerja Cacat (EPC) merupakan inisiatif yang diberikan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan RM1,200 ke bawah. Elaun ini bertujuan bagi menggalakkan OKU terus bekerja serta mampu berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengemukakan cadangan perubahan syarat kelayakan pendapatan bagi EPC kepada Kementerian Kewangan dalam dasar bajet tahun 2022 berdasarkan kenaikan PGK tahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi juga membangkitkan isu berkaitan dengan kenaikan kadar bantuan bulanan JKM kepada golongan OKU kepada RM1,000 sebulan. Konsep pelaksanaan kenaikan kadar bantuan JKM ini adalah lebih memberi fokus kepada keperluan isi rumah dan merujuk kepada penggabungan bantuan mengikut keperluan sesebuah isi rumah yang mempunyai pelbagai kategori seperti warga emas, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan yang mempunyai anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun serta pesakit kronik yang terlantar.

Walau bagaimanapun, antara usaha kerajaan untuk menangani isu kemiskinan juga, di antaranya melalui Jawatankuasa Kerja Menangani Kemiskinan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan. Kerajaan sentiasa peka dan sentiasa berusaha menangani isu kemiskinan untuk rakyat di seluruh negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi bertanyakan juga mengenai Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) atau *Home Help Services* merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah. Sukarelawan yang berminat untuk menjadi *care workers*

professional boleh berdaftar di agensi-agensi swasta yang menawarkan perkhidmatan penjagaan secara berbayar mengikut tahap kemahiran dan kelayakan masing-masing.

Selain daripada itu, program KBDR dapat dilaksanakan melalui jalinan kolaborasi strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). JKM mengalu-alukan penglibatan daripada NGO yang juga berminat untuk melaksanakan program KBDR ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh terhadap masalah keganasan rumah tangga khususnya dalam tempoh PKP. Kementerian sangat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator atas isu-isu berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif seperti pertama, mempercepatkan proses permohonan Perintah Pelindungan Kecemasan kepada mangsa; kedua, bekerjasama dengan Mahkamah Persekutuan bagi membantu dalam proses mendapatkan perintah perlindungan IPO dan PO; dan begitu juga yang ketiga, khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih di nombor 15999 ataupun aplikasi *WhatsApp* 019-2615999.

■1410

Kita juga sentiasa meningkatkan advokasi melalui pelbagai platform termasuk pendidikan atas talian. Di antaranya menerusi program Akademi Keluarga Sejahtera yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita menyeru juga ialah kepekaan masyarakat bersama kita menangani isu-isu ini supaya terus melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan perkara ini tidak terus berlaku dalam masyarakat kita.

Seterusnya saya menjawab isu yang disoal oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu berkenaan dengan tempat perlindungan sementara bagi mangsa keganasan rumah tangga.

Selaras dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan pusat sokongan sosial setempat bagi memudahkan kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutama golongan wanita mendapatkan perkhidmatan yang disediakan seperti khidmat nasihat, kaunseling, intervensi serta perlindungan sementara.

Perlindungan sementara akan diberikan kepada mangsa atau pengadu sebelum dirujuk kepada kementerian atau agensi atau organisasi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan selanjutnya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan lain termasuk PDRM, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), kerajaan dan kerajaan negeri, NGO dan

sebagainya untuk mewujudkan pusat transit bagi mangsa keganasan rumah tangga. Jadi, kita mengharapkan dengan kerjasama ini kita dapat menangani terutama isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian kami. Kami menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan hak dan kepentingan kumpulan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terpelihara. Kenaikan kadar kemiskinan dan peningkatan pendapatan garis kemiskinan menunjukkan terdapat keperluan yang mendesak untuk mengoptimalkan pengurusan sumber bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada kumpulan sasar. Justeru, kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan dan sebarang bentuk kerjasama daripada semua pihak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil ingatan semua apa yang telah dicadangkan kepada kami. 'Teguh Kita, Menang Bersama.' *Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sampai kepada penggulungan, dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

2.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan dan *team* MOF mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian.

Saya kira 15 orang Yang Berhormat Senator telah membawa 24 perkara dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang begitu signifikan yang dilaksanakan dalam era kita sedang menghadapi pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membahagi-bahagikan 24 perkara itu kepada enam seksyen yang penting. Seksyen yang pertama adalah berkaitan ekonomi. Seksyen yang kedua dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berkaitan KWSP. Seksyen yang ketiga iaitu cukai seperti mana yang saya jawab pagi tadi di Dewan yang mulia ini.

Seksyen yang keempat melibatkan Belanjawan 2021, manakala seksyen yang kelima dan keenam melibatkan peruntukan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan sejelas-jelasnya di Dewan yang mulia ini berkaitan prestasi ekonomi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz yang begitu terkehadapan membicarakan tentang adakah kerajaan hari ini mempunyai kemapanan daripada segi ekonomi untuk memastikan belanjawan yang telah dibahaskan begitu panjang dan telah digulung oleh wakil-wakil kementerian tadi mempunyai keupayaan untuk dilaksanakan tahun 2021.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, kita telah melancarkan empat bentuk pakej stimulus yang membawa satu jumlah iaitu RM305 bilion bagi memastikan terdapat suntikan fiskal secara langsung iaitu RM55 bilion memberi kesan kepada kedudukan kewangan kerajaan. Saya yakin dan pasti walaupun kita telah unjurkan Yang Berhormat Senator, defisit fiskal kita pada tahun 2020 semasa kita membentangkan Belanjawan 2020 pada tahun 2019 iaitu pada 3.2 peratus.

Akan tetapi Yang Berhormat Senator, kita telah membuat sedikit semakan disebabkan faktor keadaan persekitaran yang sedia ada, seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, kita telah membuat sedikit semakan dan peningkatan lebih kurang 2.8 peratus menjadikan defisit fiskal yang telah kita unjurkan bagi tahun 2020 kepada KDNK iaitu enam peratus.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya sebutkan awal tadi, pakej-pakej yang kita sebutkan tadi, pakej-pakej yang telah kita lancarkan mempunyai empat bentuk pakej itu merupakan adalah langkah jangka masa pendek Yang Berhormat Senator. Kerana apa? Kita mesti memastikan bahawasanya walaupun kita ingin melakukan pemulihan ekonomi, dalam memastikan pakej-pakej rangsangan sebanyak RM305 bilion ini dilaksanakan sebaik mungkin, kita mesti juga memastikan tidak melakukan bebanan kepada kewangan Kerajaan Persekutuan dalam masa jangka sederhana dan jangka masa panjang.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat semua sedia maklum seperti mana sidang yang lepas telah saya nyatakan bahawasanya Kementerian Kewangan melalui satu fasa yang agak sukar untuk melaksanakan satu jajaran fasa-fasa pemulihan ekonomi seperti mana yang telah saya nyatakan tempoh hari iaitu strategi 6R.

Untuk makluman Yang Berhormat, Belanjawan 2021 ini merupakan fasa yang kelima iaitu di tahap *revitalize* untuk kita memperkasakan balik ekonomi setelah kita melalui keempat-empat fasa. Itu sebabnya dalam Belanjawan 2021 ini merupakan strategi yang kelima yang kita mengatakan bahawasanya Belanjawan 2021 ini merupakan satu fasa pemulihan yang kita yakin bahawasanya defisit yang kita akan unjurkan untuk tahun 2021 lebih rendah, 0.6 peratus menjadikan 5.4 peratus kepada KDNK bagi tahun 2021.

Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya suasana ekonomi pada tahun 2021 masih berada dalam keadaan seperti mana yang kita hadapi pada hari ini, kita akan melakukan suatu tindakan balas yang cukup-cukup penting bagi memastikan pemulihan ekonomi ini mesti kita laksanakan kerana kita telah menjangkakan pertumbuhan ekonomi kita begitu positif. Walaupun agak optimis dan *moving forward*, tetapi kita mesti yakin bahawasanya langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan adalah berasaskan kepada perkara-perkara yang telah diambil kira semasa pengalaman kita dalam krisis-krisis ekonomi sebelum ini.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Senator semua, kalau kita melakukan sesuatu perkara, kita mesti berasaskan kepada fakta-fakta yang kukuh. Seperti mana yang telah Yang Berhormat Senator sedia maklum, Bank Negara telah mengunjurkan dan melaporkan bahawasanya suku tahun kedua 2020, kita mengalami penurunan KDNK sebanyak 17.1 peratus.

Akan tetapi pada suku tahun ketiga selepas kita melaksanakan pakej-pakej rangsangan, ia meningkat, walaupun agak perlahan, kepada menyusut 2.7 peratus. Ini bermakna pakej rangsangan yang kita sedang laksanakan dalam melalui empat fasa tempoh hari melalui empat buah pakej, dan kemudiannya kita masuk ke pakej kelima, kita yakin dan percaya kerajaan akan melaksanakan sesuatu tindakan bagi memastikan pemulihan ekonomi ini akan berada dalam keadaan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, ramai Ahli Yang Berhormat juga agak mempunyai prasangka adakah kita mempunyai unjuran hasil yang mencukupi tahun 2021.

Saya ingin menyingkap pengalaman kita semasa krisis kewangan global tahun 2009. Pada zaman krisis global kewangan tahun 2009 dan pada tahun 2010, kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu meningkat mendadak sebanyak 18 peratus pada tahun 2010. Itu sebabnya pada tahun 2021, kita mengunjurkan walaupun agak sederhana unjuran itu, peningkatannya sebanyak 12 peratus kepada kutipan cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu. Kita yakin bahawasanya apa yang kita lakukan ini merupakan satu asas untuk memastikan kita mempunyai keupayaan dalam membuat satu Belanjawan 2021.

■1420

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberi sedikit indikator bagaimana keyakinan Kementerian Kewangan berasaskan unjuran prestasi yang kita akan dapat pada tahun 2021. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kita mempunyai beberapa faktor semasa kita mengunjurkan hasil 2021.

Walaupun agak tinggi sebanyak 12 peratus, tetapi kita mesti melihat bagaimana indikator-indikator yang memberi keyakinan sebenarnya kepada Kementerian Kewangan. Apa yang sudah pasti yang berasaskan kepada belanjawan pada hari ini ia akan berasaskan

kepada keupayaan kita untuk mengutip hasil. Kalau tidak ada hasil, bagaimana kita hendak buat *spending* sebanyak RM322.5 bilion.

Faktor yang pertama ialah jangkaan pertumbuhan KDNK yang lebih baik pada 6.5 peratus kepada 7.5 peratus, ini perkara biasa. Dalam keadaan kita mencapai ekonomi *V-Curve* apabila *dominator* itu ada berada negatif, sudah pasti tahun berikutnya ia akan lebih positif kepada 6.5 peratus hingga 7.5 peratus.

Faktor yang kedua ialah pertumbuhan penggunaan domestik kembali pulih pada kadar 7.1 peratus berbanding tahun 2019 -0.7 peratus di mana pertumbuhan tersebut akhirnya akan meningkat pendapatan syarikat bagi membolehkan mereka kembali membayar cukai pendapatan syarikat.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua yang agak penting iaitu Indeks Kedudukan Perniagaan dengan izin, *Business Confidence Index*. Indeks ini kembali pulih kepada 86.3 peratus pada suku tahun ketiga berbanding separuh suku tahun kedua 2020 iaitu 61 peratus. Peningkatan dari 61 peratus kepada 86.3 peratus menunjukkan bahawasanya kita mempunyai *Business Confidence Index* yang lebih baik berbanding suku tahun kedua.

Keempat iaitu Indeks Keyakinan Pengguna, *Consumer Sentiment Index*. Ini juga memberikan kayu ukur bagi memastikan faktor-faktor yang mengunjurkan hasil kita pada tahun 2021 yang lebih tinggi sebanyak 12 peratus. Tuan Yang di-Pertua, indeks kembali pulih kepada 91.5 peratus kepada suku tahun ketiga berbanding suku tahun pertama 2020 hanya 51.1 peratus.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, kita mengandaikan harga komoditi yang lebih tinggi iaitu minyak USD42 *per barrel* dan minyak sawit RM2,550 per tan.

Keenam, kita juga akan memastikan agensi di bawah Kementerian Kewangan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri akan berterusan memastikan meningkatkan audit dan pematuhan cukai.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, pengenalan banjaran cukai pada kadar 30 peratus juga mulai tahun taksiran 2020 bagi pendapatan cukai yang melebihi RM2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang menjadi asas kepada Kementerian Kewangan supaya kita mempunyai keyakinan bahawasanya faktor ekonomi kita— betul, kita sedang menghadapi satu keadaan yang tidak dijangka. Akan tetapi melalui pakej-pakej rangsangan, strategi-strategi, fasa-fasa yang telah dilalui oleh pihak Kementerian Kewangan dan Kerajaan Malaysia, kita berada dalam trek yang tepat untuk memastikan pertumbuhan KDNK kita pada tahun 2021 dapat diunjurkan kepada 6.5 peratus hingga 7.5 peratus.

Akan tetapi ada juga yang memberitahu kepada Kementerian Kewangan dalam sesi-sesi perbahasan yang kita teliti, ada juga mempunyai rasa ingin tahu penjelasan yang lebih bagaimana dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan- sepertimana yang kita sedia maklum, Kementerian Kewangan telah memberitahu kita ada pengurangan hasil pendapatan walaupun

dalam keadaan kita mempunyai keyakinan hasil kita akan diunjurkan lebih baik peningkatan 12 peratus.

Kita melakukan beberapa strategi Tuan Yang di-Pertua, sebab kita harus memperluaskan usaha hasil kita melalui memanfaatkan potensi sektor tidak formal. Keduanya, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar. Ketiganya, mengurangkan ketirisan cukai. Keempatnya, menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, dalam jangka masa sederhana dan sekiranya ekonomi kembali pulih kita berusaha untuk memperluaskan asas hasil ini. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita akan mengurangkan jurang cukai dan kita akan meningkatkan kecekapan cukai. Ini semua seperti mana yang saya telah nyatakan pada awal pagi tadi, dalam soalan nombor 3 pagi tadi, kita akan memastikan sedaya upaya pelaksanaan *multi-agency task force* ini dapat mengurangkan ketirisan hasil negara melalui penguatkuasaan dan pematuhan apa yang kita sebutkan pematuhan cukai dan cukai ini mesti dibayar kepada kerajaan melalui agensi-agensi pemungut cukai.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mempunyai belanjawan yang mengembang, apabila hasil kita tidak seperti mana tahun-tahun yang sebelum ini walaupun kita unjukan peningkatan 12 peratus, tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat- Senator Tuan Robert Lau dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi membangkitkan isu-isu yang bagi saya ada signifikannya berkaitan bagaimana jumlah hutang negara dan bagaimana defisit hutang negara ini dapat dikawal supaya kita tidak membebankan negara dalam usaha kita memulihkan ekonomi negara kita. Ya betul, kita mahu memulihkan ekonomi kita tetapi dalam jangka masa yang panjang bagaimana kita mengawal dasar fiskal kita ini juga yang menjadi perkara-perkara penting.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2021, kerajaan akan menumpukan kepada sumber pembiayaan melalui pasaran domestik dengan memanfaatkan kecairan pasaran modal Malaysia yang mencukupi. Ini kerana apa, yang paling penting bagi kita mesti memastikan keupayaan kita untuk mengupayakan, mengukuhkan dan memanfaatkan pasaran bon domestik dengan nisbah bidaan kepada terbitan kekal sekitar 2.3 kali. Ini penting sekali.

'*Bid to cover*', dalam kita membuat pasaran atau memastikan pinjaman-pinjaman kita berasaskan kepada pasaran domestik, pekali ini amat penting sekali. Ini kerana apa, pekali 2.3 ini memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur terhadap MGS dan MGII. Ini kerana apa, kita masih mempunyai keupayaan dan pengukuhan daripada segi pasaran domestik.

Ini kerana apa, kalaulah kita mempunyai keupayaan domestik tetapi kita mempunyai strategi untuk meminjam di luar negara, banyak implikasi seperti kita akan terdedah kepada pertukaran wang asing dan juga kita terdedah kepada perkara-perkara yang lebih *volatile*,

yang bersifat tidak mempunyai kuasa untuk kita mengawal segala prestasi dalam pasaran-*market* yang paling penting.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua ingin memaklumkan seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2021 kerajaan akan menerbitkan satu instrumen yang dinamakan *environment social governance* yang pertama dalam usaha kita memastikan- kita mempelbagaikan asas pelabur berikutan permintaan tinggi pelabur asing sejajar dengan amalan terbaik di peringkat global.

Apa yang pentingnya adalah apabila kita meminjam melalui pasaran domestik atau pasaran antarabangsa, yang paling pentingnya dahulu kita punya *ceiling statutory* adalah 55 peratus tetapi di dalam Dewan yang mulia ini juga telah meluluskan supaya kita meningkatkan kepada 60 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan pada akhir 2021, 58 peratus kepada KDNK. Bermakna sekiranya pelaksanaan Bajet 2021 ini berakhir pada Disember 2021 ia tidak akan memberi kesan kepada ruang atau limit statutori yang telah ditetapkan sebanyak 60 peratus. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga telah nyatakan dalam *fiscal outlook* yang telah kita bagi kepada Ahli Yang Berhormat Senator semua bayaran khidmat hutang iaitu *debt service charges* dianggarkan sebanyak RM39 bilion atau 16.5 peratus kepada hasil.

Bermakna RM1 kita hasil, makna 16.5 peratus atau 16.5 sen bayaran kepada hutang. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa sederhana kerajaan menyasarkan paras hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK akan terus kekal terurus di bawah had statutori sepertimana yang saya telah nyatakan tadi, ini bagi memastikan kerajaan mampu membiayai bayaran khidmat hutang serta memastikan baki akaun semasa sentiasa mencatat lebihan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini Kerajaan Malaysia tidak pernah gagal membuat bayaran hutang melalui jadual-jadual yang telah ditentukan. Ini bermakna kita tidak ada masalah untuk membuat bayaran khidmat hutang kerana apa? Kita mempunyai keupayaan dalam memastikan segala perancangan yang dibuat oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan diatur sebaik mungkin bagi memastikan kita dapat melaksanakan impak kepada belanjawan tahunan, khususnya tahun 2021.

■1430

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada isu yang kedua iaitu KWSP dan saya kira, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mempunyai sedikit masa kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang patut, saya benarkanlah. Yang patut.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang patut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab kalau baca, boleh ikut masa.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Okey. Tuan Yang di-Pertua, isu KWSP yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili berkaitan dengan i-

Saraan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bahawasanya ini merupakan satu insentif persaraan. Sejak diperkenalkan tahun 2010 hingga 15 Disember 2020, sebanyak 327,354 orang ahli mendaftar dan jumlah simpanan setakat 15 Disember 2020 adalah sebanyak RM13.91 bilion.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin membangkitkan isu yang sangat signifikan, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia menyatakan tentang bagaimana kaedah untuk wanita-wanita mencarum kepada program i-Suri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bayaran tunai juga boleh dilakukan di premis-premis ejen bank BSN yang dipanggil EB BSN. Sebanyak 4,600 buah cawangan berada di seluruh negara. KWSP juga sedang membuat kerjasama dengan pihak-pihak bank untuk membuat promosi untuk mereka turun ke peringkat di tempat-tempat awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, bayaran tunai di kaunter Maybank, Public Bank, RHB dan Bank Simpanan Nasional juga boleh dilaksanakan mulai 1 Januari 2021. Walau bagaimanapun, kaedah menggunakan *money order* atau *postal order* juga diterima sekiranya KWSP membuat promosi di tempat-tempat awam bagi memastikan keselamatan daripada segi akaun duit.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Belanjawan 2021, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook berkaitan kenapa bajet DE tidak disamakan dengan bajet OE. Saya harap Yang Berhormat Senator kena memahami bahawasanya bajet di bawah Kepala DE merupakan satu bajet *development expenditure* dan OE merupakan *operating expenditure* yang dilakukan untuk membayar gaji dan utiliti. Akan tetapi, OE tidak boleh dibiayai melalui akaun pinjaman. Hanya DE sahaja boleh dilakukan melalui akaun pinjaman.

Jadi, sekiranya kita ingin meletakkan terlampau tinggi, walaupun ada peningkatan lebih kurang RM19 bilion dalam Bajet 2021 daripada RM50 bilion tahun-tahun sebelumnya kepada RM69 bilion di bawah bajet DE, tetapi kita tidak akan melaksanakan. Ini kerana kalau kita letak DE terlampau tinggi, sudah pastinya kita harus membuat pinjaman yang lebih besar, menanggung hutang yang lebih tinggi dan sudah pasti sasaran fiskal yang saya sebutkan tadi *statutory limit discipline fiscal* itu juga akan kita mencecah dan sudah pastinya kita akan menjejaskan kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga membuat penjelasan sedikit berkaitan jaminan kerajaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah berkaitan bantuan bersasar kepada M40, kenapa tidak ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, sudah pasti keempat-empat pakej yang telah saya nyatakan tadi juga memberi kesan kepada golongan yang bukan sahaja B40 tetapi M40. Dalam pakej rangsangan ekonomi, kita telah bantu mereka yang terkesan termasuklah M40 juga menikmati moratorium bayaran balik pinjaman, Bantuan Prihatin Elektrik, program My30,

Geran Khas Prihatin, Subsidi Upah, Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar yang diumumkan pada hujung Julai 2020, dana pinjaman mudah untuk PKS dan bayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 1.0 dan Bantuan Prihatin Nasional 2.0 yang telah melibatkan seramai 3.1 juta orang penerima yang terdiri daripada golongan M40 dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion.

Namun demikian, M40 juga dibantu di bawah Belanjawan 2021 melalui pengeluaran KWSP Akaun 1 dan Akaun 2, pengurangan kadar caruman KWSP daripada 11 peratus kepada sembilan peratus, pelepasan cukai caruman Skim Persaraan Swasta, bantuan bayaran bersasar, kadar cukai pendapatan diturunkan satu peratus dari banjaran pendapatan RM50 ribu ke RM70 ribu, pelepasan cukai gaya hidup dinaikkan daripada RM2,500 kepada RM3,000 dan pelepasan cukai kepada pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional sebanyak RM8,000. Sudah pasti, Yang Berhormat Senator, kerajaan kekal komited bagi memastikan semua bantuan kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan-golongan terjejas bukan sahaja B40 malah M40.

Ramai juga Yang Berhormat membangkitkan adakah kerajaan ingin melaksanakan kembali GST, dan berapa peratus kah akan dilaksanakan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat hari ini, kerajaan masih mengkaji bagaimana kaedah-kaedah untuk kita memperkenalkan cukai-cukai baharu dan langkah-langkah cukai bagi memastikan kita mempunyai keuntungan dan keupayaan dalam mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membuat penjelasan yang terakhir berkaitan dengan satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang bertanya mengapa kerajaan menarik balik jaminan pinjaman sebanyak RM32.0 bilion daripada *Asian Development Bank* untuk membiayai pembangunan LRT di negeri Pulau Pinang, mengapa pula pinjaman sebanyak sekadar RM2 bilion untuk projek pengangkutan di Pulau Pinang dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman semua, Kementerian Kewangan (MOF) telah menerima surat dari Bank Pembangunan Asia, *Asian Development Bank* (ADB) bertarikh 25 Januari 2019 mengenai permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berhasrat untuk mendapatkan pinjaman ADB bagi membiayai projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang yang berjumlah RM2 bilion.

Dalam hubungan ini, pihak ADB telah mencadangkan tiga opsyen pembiayaan seperti berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) *direct loan to the state government with sovereign guarantee from the government of Malaysia;*
- (ii) *direct loan to the Government of Malaysia with relending to the state government; and*

- (iii) *direct loan to special purpose vehicle project proponent with sovereign guarantee from the Government of Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan lanjut antara pihak MOF dengan pihak ADB bersama-sama dengan Kerajaan Pulau Pinang telah diadakan pada 17 Julai 2019 dan memutuskan supaya ADB melaksanakan proses *due diligence* bagi menyediakan kertas cadangan pinjaman projek yang terperinci. Pada 18 Julai 2019, mantan Menteri Kewangan telah mengeluarkan surat tiada halangan kepada ADB untuk melaksanakan *due diligence*. Walau bagaimanapun, kebenaran tersebut Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Apa perkataan tadi Yang Berhormat, mantan?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Mantan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, '*mantan*' itu ertinya manusia tanpa kerja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, pada 18 Julai 2019, bekas Menteri Kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: ...Telah mengeluarkan Surat Tiada Halangan kepada ADB untuk melaksanakan *due diligence*. Walau bagaimanapun, kebenaran tersebut, Tuan Yang di-Pertua, tidak memberi apa-apa obligasi di bawah undang-undang domestik dan antarabangsa yang boleh dikuatkuasakan di pihak kerajaan atau tidak boleh ditafsirkan sebagai perjanjian yang mengikat pihak kerajaan.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Julai 2019 telah bersetuju bahawa kerajaan negeri tidak boleh membuat pinjaman yang melibatkan jaminan kerajaan tanpa mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu. Bagi mengelakkan bebanan hutang ke atas kedudukan kewangan kerajaan, sebarang kelulusan terhadap pinjaman baharu yang melibatkan jaminan kerajaan hendaklah dipastikan tidak menjadikan hutang kerajaan melebihi siling *statutory* yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, isu jaminan pinjaman daripada ADB tidak berbangkit kerana perkara ini belum dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri memandangkan sehingga kini pihak MOF tidak menerima laporan *due diligence* tersebut daripada ADB.

Sebagai makluman, Tuan Yang di-Pertua, semua pinjaman multilateral perlu dipohon peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan (DE). Sekiranya kerajaan bersetuju dengan sumber pinjaman ADB, peruntukan perlu disediakan di bawah rancangan belanjawan tahunan atau *Rolling Plan* Rancangan Malaysia.

■1440

Projek pembangunan perlu dikemukakan untuk penelitian lanjut Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, keputusan MOF untuk tidak meneruskan pinjaman daripada *Asian Development Bank* (ADB) adalah selaras dengan

pandangan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia kerana pasaran kewangan Malaysia mempunyai kecairan yang tinggi dan kerajaan boleh memperoleh dana daripada pasaran tempatan.

Selain itu, kadar pinjaman keseluruhan- *all-in rate*, dengan izin, yang ditawarkan oleh ADB 40 peratus jauh lebih tinggi daripada kadar sekuriti Malaysia, *Malaysian Government Securities* (MGS).

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Kertas ADB mengenai "*Diversification of ADB Financing Terms for Regular Ordinary Capital Resources (OCR) Sovereign Lending Operations under Strategy 2030*", dengan izin, pinjaman kerajaan dengan ADB akan dikenakan dengan kadar dan kos pembiayaan yang lebih tinggi. Ini kerana ADB meletakkan Malaysia di bawah kategori C3- *upper-middle income* yang mempunyai *maturity premium* yang lebih tinggi *spread* antara kosong hingga 50 *basis points* (bps) berbanding dengan kosong hingga 20 bps sebelum ini.

Tambahan lagi, ini juga mengelakkan Tuan Yang di-Pertua, risiko kerugian pertukaran mata wang asing yang perlu ditanggung oleh kerajaan sekiranya pinjaman dibuat dalam mata wang selain Ringgit Malaysia. Strategi pengurusan negara adalah untuk membangunkan pasaran modal domestik dan mengurangkan risiko *volatility* dalam FOREX agar kedudukan negara tidak terkesan apabila berlaku ketidakpastian luaran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator yang membangkitkan, perlu difahami bahawa keputusan dibuat oleh MOF tidak meneruskan pinjaman ADB adalah berkaitan sumber pembiayaan bagi pelaksanaan projek pembangunan, bukannya melibatkan cadangan pembatalan projek. Seperti mana yang telah dimaklumkan, semua projek pembangunan mesti perlu dikemukakan kepada EPU, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang bersifat teknikal, yang saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan secara bertulis. Saya yakin dan percaya, saya mewakili pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan dan *team* MOF sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil perbincangan dalam rang undang-undang.

Seterusnya, *insya-Allah* akan menyokong supaya Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini diluluskan. Kementerian Kewangan di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri akan terus komited memantau pelaksanaan segala perancangan di bawah Belanjawan 2021 yang berjumlah RM322.5 bilion supaya benar-benar memberikan impak kepada rakyat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat, dalam persekitaran yang sangat menguji ketahanan kita, kita menghadapi asakan ekonomi dan kesihatan luar biasa dalam sejarah. Adapun pembentangan bajet kali ini lebih bererti kepada rakyat berbanding tahun-tahun sebelum ini. Marilah semua sama-sama kita mengharungi satu semangat kebersamaan.

Oleh sebab apa, dengan kebersamaan inilah kita akan sama-sama mencapai satu matlamat yang murni bagi negara kita yang kita cintai. Teguh kita, menang bersama, Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih... *[Tepuk] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan dan atas penyampaian-penyampaian itu kita rasakan bahawa keadaan penstabilan wujud.

Namun sedemikian, setelah ramai Ahli Yang Berhormat mengemukakan kepada saya, mungkin Kementerian Kewangan mulai mengkaji situasi apabila sumber minyak sudah tiada di negara. Apakah yang harus kita lakukan? Kajian itu mungkin dapat membantu rakyat memahami supaya siap siaga untuk satu fasa kehidupan yang baharu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampai kita kepada fasa terakhir sidang kita kali ini. Sementara saya menyatakan bahawa Dewan dan sidangnya ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 28 Disember 2020.

Saya mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian ataupun yang telah meneliti perkara-perkara dan juga kerja penting serta tugas kita di Dewan mulia ini. Kepada semua Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, para pegawai yang menjalankan tugas, penyampaian khidmat itu juga dihargai setinggi-tingginya.

Suka saya menyampaikan sesuatu yang mungkin untuk difikirkan. Terbaik bagi kita untuk dikenali selepas ini sebagai Senator atau Yang Berhormat Senator dan tidak hanya menyebut nama apabila kita menentukan siapa-siapa yang perlu menerima teguran ataupun untuk menerima panggilan.

Saya katakan demikian oleh sebab antara Yang Berhormat Senator di Dewan Negara dengan Yang Berhormat di Dewan Rakyat, kita disebut sebagai 'Senator'. Oleh sebab itu, kita pakailah perkataan itu lebih kerap lagi, agar ia menjurus kepada Dewan yang lebih tinggi daripada Dewan Rakyat itu sendiri... *[Tepuk] Insya-Allah*, kita akan bawa hal ini kepada Jawatankuasa kita yang afdal.

Sebagai permulaan, petang ini kita akan ada Mesyuarat pertama kali bagi Hak Asasi. Doakan kami dapat menjalankan tugas tersebut dan menghala kepada masa dan fasa yang lebih baik.

Sesi Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 28 Disember 2020. Selamat menyambut Hari Krismas- Hari Natal, dan selamat berbahagia.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.48 petang]